




Laporan Ketua Audit Negara

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

NEGERI SARAWAK

TAHUN 2010



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI SARAWAK



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5

Persiaran Perdana, Presint 2

62618 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
NEGERI SARAWAK
TAHUN 2010

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Kaedah Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Prestasi Kewangan	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Wang Tunai	8
Pelaburan	10
Akaun Hasil Disatukan	11
Akaun Pinjaman Disatukan	19
Akaun Amanah Disatukan	21
Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	30
Penyata Akaun Memorandum	31
Rumusan Dan Syor Audit	39
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-9	43
Pakej Rangsangan Ekonomi	44
Peruntukan Khas RM1 Bilion	45
Rumusan	47
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI	
Latar Belakang	51
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri	51

PERKARA	MUKA SURAT
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	52
Objektif Pengauditan	53
Skop Dan Kaedah Pengauditan	53
Kawalan Utama	54
Penemuan Audit	65
Syor Audit	70
Pemeriksaan Audit Mengejut	70
Pendahuluan	70
Penemuan Audit	71
BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	77
Pengauditan Penyata Kewangan	77
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	78
Pembentangan Penyata Kewangan	80
Prestasi Kewangan	81
Syor Audit	94
BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	99
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	99
PENUTUP	103
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	107
II Lembaran Imbangan	108
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	109
IV Penyata Akaun Memorandum	110
V Penyata Hasil Dan Perbelanjaan	111
VI Nota Kepada Akaun Awam	112



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Selain menentukan gambaran kedudukan benar dan saksama terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis kewangan berdasarkan Penyata Kewangan untuk menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri sama ada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan dan tidak memuaskan.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agenzi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pencapaian pengurusan kewangan. Jabatan memperkenalkan Indeks Akauntabiliti untuk menanda aras prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi secara objektif dan telus bagi mengukur dan menambah baik ke arah pengurusan kewangan yang cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit dan aset. Pelaksanaan AI boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, budaya “**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Tahun 2010 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri sepanjang tahun 2010. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

3. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2010 mengandungi perkara berikut:

- BAHAGIAN I** - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010
- BAHAGIAN II** - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri
- BAHAGIAN III** - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- BAHAGIAN IV** - Pencapaian Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
- BAHAGIAN V** - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri
- BAHAGIAN VI** - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat.

5. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mengamalkan 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a. **SUPERVISION** - Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan oleh penjawat awam untuk menjalankan tugas mereka. Penjawat awam pula perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b. **INTEREST** - Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat, dedikasi dan tidak bersikap sambil lewa.
- c. **KNOWLEDGE** - Setiap penjawat awam mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d. **ATTITUDE** - Setiap penjawat awam melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.
- e. **PROCEDURE** - Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

1 Julai 2011



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah disahkan. Dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2010.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah sangat baik kerana baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM15.71 bilion, meningkat RM2.47 bilion berbanding RM13.23 bilion pada akhir tahun 2009. Pada tahun 2010 Kerajaan Negeri mendapat surplus berjumlah RM2.22 bilion meningkat RM1.30 bilion daripada RM0.92 bilion pada tahun 2009. Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 juga meningkat RM1.04 bilion atau 22.9% menjadi RM5.61 bilion berbanding RM4.56 bilion bagi tahun 2009. Bagaimanapun, tunggakan hasil meningkat RM7.39 juta atau 7% menjadi RM112.49 juta daripada RM105.10 juta pada tahun 2009. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menurun RM8.71 juta atau 0.7% iaitu daripada RM1.30 bilion pada tahun 2009 kepada RM1.29 bilion pada tahun 2010. Bagaimanapun, Akaun Kena Bayar menunjukkan peningkatan RM92.6 juta atau 43.8% berbanding tahun 2009. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat RM58.31 juta atau 2.6% daripada RM2.25 bilion pada tahun 2009 kepada RM2.30 bilion pada tahun 2010. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut turut meningkat RM21.66 juta atau 4.2% daripada RM513.44 juta pada tahun 2009 kepada RM535.10 juta pada tahun 2010. Jumlah hutang awam meningkat RM356.60 juta atau 20.4% menjadi RM2.10 bilion berbanding RM1.75 bilion pada tahun 2009 manakala tunggakan bayaran balik hutang awam berjumlah RM38.44 juta. Bagi memperkuatkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha untuk mengutip tunggakan hasil berjumlah RM112.49 juta dan mengambil tindakan tegas menuntut tunggakan pinjaman daripada agensi dan syarikat yang berjumlah RM535.10 juta. Di samping itu, Kerajaan Negeri perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemat dan memberikan latihan yang berterusan kepada penjawat awam dalam bidang perakaunan dan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kompetensi mereka.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi projek-projek di bawah RMKe-9 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri adalah baik di mana sejumlah RM12.01 bilion atau 90.4% daripada RM13.28 bilion telah dibelanjakan. Manakala pencapaian fizikal projek pembangunan RMKe-9 mendapat 481 atau 77.3% daripada 622 projek yang dirancang siap dilaksanakan. Pencapaian perbelanjaan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2010 sejumlah RM232.46 juta daripada RM300 juta atau 77.5% telah dibelanjakan dan 426 atau 92.8% daripada 459 keseluruhan projek fizikal siap dilaksanakan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

4. Pencapaian Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2010 secara keseluruhannya adalah baik. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 31 Jabatan dan Agenzi Kerajaan Negeri Sarawak berbanding 39 Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri pada tahun 2009. Hasil pengauditan pada tahun 2010 mendapat satu Jabatan dan 3 Agenzi Negeri diberikan penarafan pada tahap pencapaian sangat baik, 10 Jabatan dan 12 Agenzi Negeri berada pada tahap baik dan 2 Jabatan serta 3 Agenzi Negeri diberikan penarafan pada tahap memuaskan.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan penyata kewangan tahun 2010 bagi 23 Badan Berkanun Negeri (BBN), 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Islam Sarawak (MIS) setakat 30 April 2011 adalah lebih baik berbanding tahun 2009. Satu PBT telah mengemukakan permohonan lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan tahun 2010 kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam selaras dengan Peraturan 38, *The Local Authorities Financial Regulations*, 1997. Sehingga 30 April 2011, 3 BBN telah memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan tahun 2010 daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selaras dengan Seksyen 5(1) Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995. Semua BBN, PBT dan MIS telah menyerah penyata kewangan tahun 2009 untuk diaudit dan disahkan sebelum 31 Oktober 2010. Setakat 20 Jun 2011, sebanyak 12 penyata kewangan tahun 2009 BBN dan PBT dan satu penyata kewangan tahun 2008 BBN belum dibentang di Dewan Undangan Negeri. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2009 bagi BBN adalah memuaskan berbanding tahun 2008. Pada akhir tahun 2009, lebih pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM16.22 juta atau 0.9%, lebih jumlah aset meningkat sejumlah RM169.42 juta atau 3.6% dan lebih pendapatan tahun semasa juga meningkat sejumlah RM0.09 juta atau 0.1%, berbanding tahun 2008. Bagaimanapun, aset bersih semasa telah menurun sejumlah RM194.74 juta atau 10.8% berbanding tahun 2008. Pada 31 Disember 2009, sebanyak 33 anak syarikat BBN yang aktif telah mendapat keuntungan terkumpul secara

keseluruhannya berjumlah RM481.20 juta dan 21 anak syarikat BBN telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM165.25 juta. Pada keseluruhannya, PBT mencatatkan surplus sejumlah RM80.61 juta pada tahun 2009. Tuggakan cukai taksiran telah meningkat daripada sejumlah RM68.92 juta pada tahun 2009 menjadi sejumlah RM69.10 juta pada tahun 2010.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2009 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2008 dan Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010. Sepanjang tahun 2010, tiada mesuarat diadakan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak.



**BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBWER 2010**

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.
- 1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 kepada Jabatan Audit Negara pada 17 Mac 2011. Bagaimanapun ianya telah dipulangkan semula pada 25 Mac 2011 berikutan beberapa pindaan dan dikemukakan semula kepada Jabatan Audit Negara pada **15 April 2011**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2010 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.
- 1.3. Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Sarawak, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.
- 1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2010. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.
- 1.5. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pelaburan dan Pinjaman Boleh Dituntut manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

2. OBJEKTIF DAN KADEAH PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2010. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui pemerhatian Audit dengan pihak Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2010 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VI.**



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN

KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. PRESTASI KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2010, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap pencapaian kewangan Kerajaan Negeri. Analisis dijalankan berdasarkan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1. Berdasarkan Lembaran Imbangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 adalah RM15.71 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada wang tunai RM104.66 juta dan pelaburan RM15.60 bilion. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.1**. Baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri bertambah RM2.47 bilion iaitu daripada RM13.23 bilion pada tahun 2009 menjadi RM15.71 bilion pada tahun 2010. Peningkatan ini disumbangkan dari surplus Akaun Hasil Disatukan RM2.22 bilion dan lebihan dari Akaun Amanah Disatukan RM256.74 juta.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	7,635.68	9,853.25	2,217.57	29.0
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	5,596.56	5,853.30	256.74	4.6
	<i>i. Kumpulan Wang Pembangunan</i>	2,876.36	2,975.60	99.24	3.5
	<i>ii. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	2,022.45	1,800.86	(221.59)	(11.0)
	<i>iii. Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	250.43	267.61	17.18	6.9
	<i>iv. Deposit</i>	235.76	505.07	269.31	114.2
	<i>v. Akaun Kena Bayar</i>	211.56	304.16	92.60	43.8
Jumlah		13,232.24	15,706.55	2,474.31	18.7

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.1.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.2**. Baki Kumpulan Wang Disatukan tahun 2010 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	3,870.22	4,677.44	6,720.28	7,635.68	9,853.25
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	3,155.67	3,973.26	5,410.64	5,596.56	5,853.30
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	1,790.65	1,977.49	2,911.85	2,876.36	2,975.60
	ii. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	720.21	1,225.03	1,702.86	2,022.45	1,800.86
	iii. Kumpulan Wang Amanah Awam	221.83	229.98	230.63	250.43	267.61
	iv. Deposit	108.40	262.66	286.62	235.76	505.07
	v. Akaun Kena Bayar	314.58	278.10	278.68	211.56	304.16
	Jumlah	7,025.89	8,650.70	12,130.92	13,232.24	15,706.55

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.2. WANG TUNAI

4.2.1. Wang tunai dinyatakan dalam 3 jenis iaitu Wang Tunai Dalam Bank yang terdiri daripada baki wang tunai di dalam akaun semasa dan baki akaun lain yang diluluskan untuk tujuan tertentu. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada baki tunai di Pejabat Perbendaharaan Kecil pada 31 Disember 2010 dan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit. Wang Tunai Dalam Bank diuruskan oleh Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri, 11 Pejabat Perbendaharaan Bahagian dan 2 agen di London. Wang Tunai Dalam Tangan pula diuruskan oleh 24 Pejabat Perbendaharaan Kecil manakala Panjar Wang Runcit dipegang oleh 25 Jabatan Negeri.

4.2.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai pada tahun 2010 dan 2009 menunjukkan peningkatan RM7.10 juta atau 7.3% seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.81	0.55	(0.26)	(32.1)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	12.15	13.14	0.99	8.1
3.	Wang Tunai Dalam Bank	84.60	90.97	6.37	7.5
	Jumlah	97.56	104.66	7.10	7.3

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.2.3. Analisis Audit mendapati baki Wang Tunai Dalam Bank meningkat RM6.37 juta atau 7.5% manakala baki Wang Tunai Dalam Tangan menurun RM0.26 juta atau 32.1% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Pada tahun 2010, baki Wang Tunai Dalam Perjalanan RM13.14 juta meningkat RM0.99 juta atau 8.1% berbanding tahun 2009. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan amaun Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah perbezaan masa pengeluaran resit oleh Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Perbendaharaan Bahagian/Kecil.

4.2.4. Analisis Audit menunjukkan baki wang tunai menurun pada tahun 2007 hingga 2009. Bagaimanapun, bagi tahun 2010 baki wang tunai Kerajaan Negeri meningkat RM7.10 juta atau 7.3% berbanding tahun 2009. Ini kerana jumlah wang tunai yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2010 adalah lebih daripada jumlah perbelanjaan yang dibuat selaras dengan amalan Kerajaan untuk berbelanja secara berhemat. Kedudukan baki wang tunai Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.58	0.73	0.58	0.81	0.55
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	3.83	10.74	(2.12)	12.15	13.14
3.	Wang Tunai Dalam Bank	215.23	183.57	117.83	84.60	90.97
Jumlah		219.64	195.04	116.29	97.56	104.66

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.2.5. Penyata Penyesuaian Bank disediakan oleh setiap Pejabat Perakaunan selepas akhir bulan untuk menerangkan perbezaan antara baki di penyata bank dan di buku tunai. Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Penyata Penyesuaian Bank Bulanan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir bulan. Sehingga akhir tahun 2010, Perbendaharaan Negeri menyelenggarakan 34 akaun bank iaitu 18 akaun terimaan, 14 akaun bayaran serta akaun untuk pembayaran gaji dan akaun untuk mengakaun terimaan geran daripada Kerajaan Persekutuan. Semakan Audit terhadap 408 Penyata Penyesuaian Bank Bulanan mendapati 377 penyata dikemukakan dalam tempoh 14 hari manakala 20 penyata dikemukakan lewat antara satu hingga 30 hari dan 11 penyata dikemukakan lewat antara 31 hingga 93 hari.

4.2.6. Selain itu, urus niaga tertunggak di Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Disember 2010 melebihi 6 bulan hingga 4 tahun adalah berjumlah RM57.98 juta. Ini memberi impak kepada baki wang tunai di bank sama ada jumlah tersebut terlebih atau terkurang dinyatakan. Kedudukan urus niaga yang belum selesai adalah seperti di **Jadual 4.5**. Sehingga 31 Mei 2011, RM57.85 juta daripadanya telah diselesaikan.

Jadual 4.5
Urusniaga Belum Selesai Di Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Disember 2010

Bil.	Butiran	Bilangan Bank			Jumlah (RM Juta)
		Terimaan	Bayaran	Jumlah	
1.	Urusniaga Dalam Bank Tiada Di Buku Tunai	8	13	21	284.20
2.	Urusniaga Dalam Buku Tunai Tetapi Tiada Di Penyata Bank	8	11	19	208.11
3.	Urusniaga Yang Lama Tertunggak Antara 6 Bulan Sehingga 4 Tahun Belum Diselaraskan	7	5	12	57.98

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.3. PELABURAN

4.3.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

4.3.2. Perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2010 dan 2009 menunjukkan peningkatan RM2.47 bilion atau 18.8% daripada RM13.13 bilion pada tahun 2009 menjadi RM15.60 bilion pada tahun 2010. Pulangan pelaburan meningkat RM80.67 juta atau 22.8% berbanding RM354.40 juta pada tahun 2009 menjadi RM435.07 juta pada tahun 2010. Peningkatan pulangan pelaburan ini disebabkan pertambahan jumlah pelaburan dan peningkatan dalam purata kadar faedah pasaran kewangan daripada 2.4% pada tahun 2009 kepada 3.25% dalam tahun 2010. Analisis perbandingan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Pelaburan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am				
	i. Simpanan Tetap	12,181.50	15,067.40	2,885.90	23.7
	ii. Unit Saham	50.00	50.77	0.77	1.5
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
	i. Simpanan Tetap	782.73	358.00	(424.73)	(54.3)
	ii. Unit Saham	120.44	125.73	5.29	4.4
Jumlah		13,134.67	15,601.90	2,467.23	18.8

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak


4.3.3. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan menunjukkan peningkatan berterusan baki pelaburan setiap tahun bagi tahun 2006 hingga 2010 seperti di **Jadual 4.7** dan **Carta 4.1**. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.7
Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Pelaburan Mengikut Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Pelaburan Am	6,602.00	8,240.50	10,870.50	12,231.50	15,118.17
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	204.25	215.16	1,144.13	903.17	483.73
	Jumlah	6,806.25	8,455.66	12,014.63	13,134.67	15,601.90

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

Carta 4.1
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2010 meningkat menjadi RM9.85 bilion berbanding RM7.64 bilion pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri memperoleh surplus RM2.22 bilion. Surplus ini berpunca daripada penerimaan hasil RM5.61 bilion berbanding perbelanjaan RM3.39 bilion pada tahun 2010.

4.4.1. Hasil

Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil serta Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berasaskan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai ialah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh

Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula ialah kutipan yang bukan berdasarkan mana-mana akta atau perundangan. Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik merupakan pemberian, caruman dan pulangan balik perbelanjaan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

4.4.1.1. Pungutan Hasil

Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 meningkat RM1.04 bilion atau 22.9% menjadi RM5.61 bilion berbanding RM4.56 bilion bagi tahun 2009 seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Pungutan Hasil Negeri Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	807.88	1,160.12	352.24	43.6
2.	Hasil Bukan Cukai	3,642.38	4,331.71	689.33	18.9
3.	Terimaan Bukan Hasil	10.35	13.03	2.68	25.9
4.	Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik	102.67	101.88	(0.79)	(0.8)
Jumlah		4,563.28	5,606.74	1,043.46	22.9

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

a. Analisis Peningkatan dan Penurunan Hasil Ketara

Analisis Audit mendapati 78 butiran hasil meningkat RM1.27 bilion manakala 41 butiran hasil menunjukkan penurunan RM0.22 bilion dan 8 butiran hasil tidak berubah. Hasil Bukan Cukai menunjukkan kuantum peningkatan paling ketara yang menyumbang kepada peningkatan hasil secara keseluruhan iaitu RM689.33 juta atau 18.9% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.

i. Peningkatan Hasil Ketara

Lima butiran hasil yang telah mencatat peningkatan ketara pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Peningkatan Hasil Yang Ketara Bagi Tahun 2010 Berbanding Tahun 2009

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Catatan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Dividen	864.10	1,644.96	780.86	90.4	Hasil dividen bagi tahun 2010 meningkat disebabkan bayaran balik cukai yang dipotong bagi tahun taksiran 2009 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri berjumlah RM234 juta. Hasil dividen yang diterima dari MLNG Sdn.Bhd., MLNG Dua Sdn. Bhd. dan MLNG Tiga Sdn. Bhd. juga meningkat RM510 juta dalam tahun 2010.
2.	Royalti Hutan	386.34	669.44	283.10	73.3	Kutipan royalti hutan bagi tahun 2010 adalah untuk tempoh 16 bulan iaitu daripada bulan September 2009 hingga Disember 2010 berbanding tempoh kutipan 8 bulan pada tahun 2009 berikutan arahan Pengarah Hutan mengenai tempoh luput pembayaran bil. Bagaimanapun, pengeluaran hasil hutan adalah menurun pada tahun 2010 iaitu $10,151,816\text{m}^3$ berbanding $10,368,051\text{m}^3$ pada tahun 2009.
3.	Hasil dan Faedah Dari Pasaran Kewangan	354.40	435.07	80.67	22.8	Peningkatan adalah disebabkan pertambahan dalam dana simpanan tetap daripada RM12.96 bilion pada tahun 2009 kepada RM15.43 bilion pada tahun 2010. Selain itu, purata kadar faedah turut meningkat daripada 2.4% pada tahun 2009 kepada 3.25% pada tahun 2010.
4.	Cukai Jualan Negeri – Minyak Sawit Mentah	194.43	250.82	56.39	29.0	Peningkatan adalah disebabkan jualan minyak mentah meningkat daripada RM194.43 juta kepada RM250.82 juta pada tahun 2010 manakala harga pasaran purata meningkat daripada RM2,423.92/tan pada tahun 2009 kepada RM2,600.54/tan.
5.	Pemberian Perpustakaan Negeri	3.83	13.54	9.71	253.5	Peningkatan dalam pemberian Perpustakaan Negeri bagi tahun 2010 disebabkan pemberian bagi tahun 2009 sebanyak RM5.80 juta diterima dalam tahun 2010. Pemberian untuk tahun 2010 ialah RM7.69 juta.
Jumlah		1,803.10	3,013.83	1,210.73	67.1	

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak, Rekod Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

ii. Penurunan Hasil Ketara

Lima butiran hasil yang telah mencatat penurunan ketara pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Penurunan Hasil Yang Ketara Bagi Tahun 2010 Berbanding Tahun 2009

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Penurunan		Catatan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas	970.73	830.81	139.92	14.4	Purata pengeluaran gas menurun kepada 1,521 juta mmbtu pada tahun 2010 berbanding 1,546 juta mmbtu pada tahun 2009. Harga purata gas juga menurun daripada USD2.44-USD6.23 pada tahun 2009 kepada USD1.97-USD3.601 pada tahun 2010.
2.	Bayaran dari Perkhidmatan Jabatan Kerja Raya	24.29	0.73	23.56	97.0	Kelewatan penerimaan RM51.29 juta hasil bayaran perkhidmatan Kerajaan Persekutuan tahun 2010 dan hanya diakaun pada tahun 2011.
3.	Faedah Ke Atas Pinjaman	43.77	22.80	20.97	47.9	Penurunan disebabkan jumlah bayaran balik menurun daripada RM92.76 juta pada tahun 2009 kepada RM49.89 juta pada tahun 2010.
4.	Pemberian Hasil Pertumbuhan	15.47	0	15.47	100	Tiada pemberian pertambahan hasil yang dikeluarkan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2010.
5.	Lesen Tanah dan Survei	8.36	0.96	7.40	88.5	Penurunan disebabkan pada tahun 2010, kutipan yuran tahunan lesen pendudukan sementara menurun daripada RM7.4 juta pada tahun 2009 kepada RM0.6 juta pada tahun 2010. Yuran ini dikenakan kepada Syarikat Sarawak Hydro bagi tapak pembinaan empangan Bakun dan Murun serta dijelaskan untuk tempoh 3 tahun.
Jumlah		1,062.62	855.30	207.32	19.5	

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak & Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

b. Trend Pungutan Hasil

Analisis trend mendapati hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan berterusan dari tahun 2006 hingga 2008 iaitu daripada RM3.97 bilion pada tahun 2006 kepada RM6.46 bilion pada tahun 2008. Pada tahun 2009, hasil Kerajaan Negeri menurun RM1.90 bilion kepada RM4.56 bilion. Bagaimanapun, pada tahun 2010 hasil kembali meningkat RM1.04 bilion atau 22.9% berbanding tahun 2009 tetapi lebih rendah berbanding tahun 2008 sebanyak 13.2%. Kutipan hasil bagi tahun 2010 adalah yang ke-2 tertinggi dalam tempoh 5 tahun iaitu selepas tahun 2008 seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Trend Pungutan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Kategori Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	900.84	993.81	1,071.85	807.88	1,160.12
2.	Hasil Bukan Cukai	2,961.13	2,950.77	5,245.97	3,642.38	4,331.71
3.	Terimaan Bukan Hasil	21.68	16.10	21.60	10.35	13.03
4.	Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik	89.87	94.69	121.31	102.67	101.88
Jumlah		3,973.52	4,055.37	6,460.73	4,563.28	5,606.74

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

c. Penyumbang Utama Hasil

- i. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah Hasil Dividen, Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak, Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas, Hasil dan Faedah dari Pasaran Kewangan dan Royalti Hutan. Kedudukan tahun 2010 menunjukkan yang ke-2 tertinggi iaitu selepas tahun 2008 dalam tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Dividen	760.85	676.36	2,319.13	864.10	1,644.96
2.	Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak	951.23	991.17	1,322.60	894.21	899.20
3.	Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas	541.10	561.49	819.69	970.73	830.81
4.	Royalti Hutan	631.40	629.85	595.89	386.34	669.44
5.	Hasil dan Faedah Dari Pasaran Kewangan	161.39	249.73	283.34	354.40	435.07
Jumlah		3,045.97	3,108.60	5,340.65	3,469.78	4,479.48

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

- ii. Analisis trend penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri mendapati sumber Hasil Bukan Cukai iaitu Dividen, Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak, Pampasan Hak Ke Atas Gas serta Hasil dan Faedah Dari Pasaran Kewangan menyumbang RM3.81 bilion kepada hasil Negeri berbanding kutipan keseluruhan hasil RM5.61 bilion atau 67.9% pada tahun 2010. Hasil dan Faedah Dari Pasaran Kewangan menunjukkan peningkatan berterusan dari tahun 2006 hingga 2010 iaitu RM161.39 juta pada tahun 2006 kepada RM435.07 juta pada tahun 2010. Hasil Dividen, Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak dan Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas menunjukkan peningkatan dan penurunan tidak sekata disebabkan pergerakan turun naik harga minyak dunia, faktor pengeluaran gas serta pembayaran dividen oleh agensi perdagangan yang tidak tetap. Hasil

Dividen merupakan hasil tertinggi pada tahun 2010 yang diterima dari pelaburan Kerajaan Negeri dalam agensi perdagangan seperti Malaysia LNG Sdn. Bhd., Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd. dan Malaysia LNG Tiga Sdn. Bhd. yang menyumbang RM1.20 bilion daripada dividen diterima RM1.64 bilion. Hasil cukai seperti Royalti Hutan juga menyumbang kepada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, dalam tempoh 4 tahun dari tahun 2006 hingga 2009 ianya menunjukkan penurunan antara 0.2% hingga 38.8% dan meningkat semula pada tahun 2010 kepada RM669.44 juta atau 6% berbanding tahun 2006.

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Bekalan. Bagi Maksud Tanggungan, perbelanjaan dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran hutang Negeri. Maksud Bekalan ialah perbelanjaan seperti emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan serta wang diperuntukkan kepada Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian/pinjaman.

4.4.2.1. Perbelanjaan

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menurun RM8.71 juta atau 0.7% kepada RM1.29 bilion pada tahun 2010. Jumlah tersebut tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan RM2.10 bilion yang menurun RM250 juta berbanding RM2.35 bilion pada tahun 2009. Analisis Audit mendapati perbelanjaan Emolumen meningkat RM63.67 juta atau 15.3% manakala Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap menurun RM57.24 juta atau 15.5% seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	417.10	480.77	63.67	15.3
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	487.18	473.29	(13.89)	(2.9)
3.	Aset	14.51	18.78	4.27	29.4
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	368.47	311.23	(57.24)	(15.5)
5.	Perbelanjaan Lain	10.62	5.10	(5.52)	(52)
Jumlah		1,297.88	1,289.17	(8.71)	(0.7)

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

a. Analisis Peningkatan/Penurunan Perbelanjaan Mengurus

Antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan/penurunan yang ketara pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Peningkatan/Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)		Punca Peningkatan/Penurunan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Gaji Dan Upah	276.46	310.51	34.05	12.3	Terdapat penambahan bilangan penjawat awam Kerajaan Negeri pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 disebabkan pengisian kekosongan jawatan, kenaikan pangkat dan pertambahan jawatan baru.
2.	Faedah –faedah Kewangan Yang Lain	9.40	19.69	10.29	109.5	Pemberian bantuan khas kewangan kakitangan Kerajaan bertambah kepada RM1,000 pada tahun 2010 berbanding RM500 pada tahun 2009.
3.	Geran	262.24	232.37	(29.87)	(11.4)	Penurunan peruntukan geran kepada Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Badan Bukan Kerajaan dan individu bagi tujuan bantuan serta kebajikan.
4.	Pulangan Balik Dan Hapus Kira	3.64	0.17	(3.47)	(95.3)	Pengurangan pulangan balik RM3.44 juta dan tiada hapus kira diluluskan pada tahun 2010.

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

b. Trend Perbelanjaan Mengurus


Analisis terhadap perbelanjaan mengurus mendapati perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2008 dan 2009 manakala menurun pada tahun 2007 dan 2010. Trend perbelanjaan mengurus dalam tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.15** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.15
Trend Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Emolumen	336.89	362.26	410.20	417.10	480.77
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	412.30	419.62	421.23	487.18	473.29
3.	Aset	15.49	10.12	11.16	14.51	18.78
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	359.43	322.41	352.60	368.47	311.23
5.	Perbelanjaan Lain	2.16	1.74	22.70	10.62	5.10
Jumlah		1,126.27	1,116.15	1,217.89	1,297.88	1,289.17

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

Carta 4.2
Trend Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

c. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2010, peruntukan asal perbelanjaan mengurus berjumlah RM3.42 bilion telah diluluskan untuk maksud Tanggungan dan Perbekalan. Sejumlah RM6.65 juta peruntukan telah ditambah bagi menampung perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah tersebut, RM3.39 bilion atau 99% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2010

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Peruntukan			Perbelanjaan		Baki
		Asal (RM Juta)	Tambahan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Tanggungan	103.77	6.65	110.42	70.41	63.8	40.01
2.	Perbekalan	3,314.49	0	3,314.49	3,318.76	100.1	(4.27)
Jumlah		3,418.26	6.65	3,424.91	3,389.17	99	35.74

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.4.3. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

4.4.3.1. Pada tahun 2010, Akaun Hasil Disatukan telah mencatat surplus berjumlah RM2.22 bilion iaitu pertambahan RM1.30 bilion atau 142.3% berbanding surplus tahun 2009 yang berjumlah RM915.40 juta seperti di **Jadual 4.17**. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan hasil RM1.04 bilion pada tahun 2010.

Jadual 4.17
Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan
Pada Tahun 2009 dan 2010

Bil.	Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil	4,563.28	5,606.74	1,043.46	22.9
2.	Perbelanjaan Mengurus	3,647.88	3,389.17	(258.71)	(7.1)
Surplus		915.40	2,217.57	1,302.17	142.3

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.4.3.2. Analisis perbandingan surplus bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.18** dan **Carta 4.3**. Kedudukan surplus pada tahun 2010 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.


Jadual 4.18

Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Perkara	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Hasil	3,973.52	4,055.37	6,460.73	4,563.28	5,606.74
2.	Perbelanjaan Mengurus	2,752.27	3,248.15	4,417.89	3,647.88	3,389.17
	Surplus	1,221.25	807.22	2,042.84	915.40	2,217.57

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

Carta 4.3
Prestasi Surplus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan selaras dengan Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun terimaan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan serta bayaran balik pinjaman dan semua terimaan ini dipindahkan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

4.5.2. Pada akhir tahun 2010, Akaun ini tidak mempunyai baki iaitu sama seperti pada tahun 2009 dan tahun sebelumnya. Pinjaman RM400.54 juta yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan telah diambil kira sebelum dipindahkan kesemuanya ke Kumpulan Wang Pembangunan. Daripada jumlah pinjaman tersebut, RM68.58 juta dipinjamkan semula kepada Badan Berkanun Negeri manakala RM331.96 juta adalah bagi membiayai projek yang diurus sendiri oleh Kerajaan Negeri. Peningkatan/penurunan jumlah pinjaman yang diterima pada tahun 2010 berbanding 2009 mengikut jenis pinjaman adalah seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19
Jumlah Pinjaman Diterima Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	102.30	251.47	149.17	145.8
2.	Perindustrian	67.58	61.30	(6.28)	(9.3)
3.	Pembetungan Najis Dan Perparitan	39.45	56.09	16.64	42.2
4.	Projek Ladang	3.80	31.68	27.88	733.7
Jumlah		213.13	400.54	187.41	87.9

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.5.3. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima 7 pinjaman untuk projek baru berkaitan dengan perindustrian dan bekalan air berjumlah RM50.05 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.20**. Kesemua pinjaman baru ini telah diagihkan mengikut tujuan pinjaman dibuat.

Jadual 4.20
Pinjaman Baru Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2010

Bil.	Agensi/Tujuan Pinjaman	Bilangan Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM Juta)
1.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	4	35.50
2.	Lembaga Air Kuching	1	6.70
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	1	6.56
4.	Projek Pembinaan Empangan Gerugu Sarikei	1	1.29
Jumlah		7	50.05

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.5.4. Analisis perbandingan antara rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri dengan Penyata Lengkap Pinjaman Kementerian Kewangan Malaysia mendapati jumlah pinjaman yang diterima pada tahun 2010 terkurang dinyatakan RM48.11 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.21**. Perbezaan adalah disebabkan pemakluman pengeluaran pinjaman hanya diterima oleh Kerajaan Negeri pada 6 Januari 2011 dan diakaunkan dalam tahun 2011.

Jadual 4.21
Perbezaan Rekod Jumlah Pinjaman Diterima Kerajaan Negeri Berbanding Kementerian Kewangan Bagi Tahun 2010

Bil.	Tujuan Pinjaman	Perbendaharaan Negeri (RM Juta)	Kementerian Kewangan Malaysia (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
1.	Bekalan Air	251.47	251.50	0.03
2.	Projek Ladang	31.68	31.68	0.00
3.	Perindustrian	61.30	61.30	0.00
4.	Pembetungan Negeri dan Perparitan	56.09	104.17	48.08
Jumlah		400.54	448.65	48.11

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak Dan Kementerian Kewangan Malaysia

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Akaun ini menguruskan semua wang yang diterima tertakluk kepada arahan amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah tersebut. Pada 31 Disember 2010, Kumpulan Wang ini berbaki RM5.85 bilion iaitu meningkat RM256.74 juta atau 4.6% daripada baki pada akhir tahun 2009 iaitu RM5.60 bilion.

4.6.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70). Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada Pemberian Persekutuan dalam bentuk geran bayaran balik, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun dan lain-lain agensi serta terimaan pelbagai. Perbelanjaan daripada Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

4.6.1.1. Penerimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Terimaan Kumpulan Wang ini bagi tahun 2009 berjumlah RM2.80 bilion menurun 7.5% kepada RM2.59 bilion pada akhir tahun 2010. Terimaan terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan RM2.10 bilion, Pemberian Kerajaan Persekutuan RM26.37 juta, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan RM400.54 juta, bayaran balik Pinjaman daripada Badan Berkanun dan lain-lain RM50.32 juta dan pelbagai terimaan RM12.23 juta seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Penerimaan Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pemberian Persekutuan					
1.	Geran Bayaran Balik	24.13	26.37	2.24	9.3
2.	Geran Infrastruktur	19.91	0	(19.91)	(100)
3.	Geran Pertumbuhan Hasil	4.16	0	(4.16)	(100)
Sumber Lain					
1.	Caruman dari Akaun Hasil Disatukan	2,350.00	2,100.00	(250.00)	(10.6)
2.	Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan	213.13	400.54	187.41	87.9
3.	Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun dan Lain-lain	92.77	50.32	(42.45)	(45.8)
4.	Pelbagai Sumber	94.17	12.23	(81.93)	(87)
Jumlah		2,798.27	2,589.46	(208.81)	(7.5)

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.6.1.2. Surplus Terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan

Baki surplus terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2009 berjumlah RM2.88 bilion meningkat 3.5% kepada RM2.98 bilion pada akhir tahun 2010 seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Perkara	2009	2010	Peningkatan/ (Pengurangan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Baki Kredit Pada 1 Januari	2,911.85	2,876.36	(35.49)	(1.2)
2.	Penerimaan	2,798.27	2,589.46	(208.81)	(7.5)
3.	Perbelanjaan	2,833.76	2,490.22	(343.54)	(12.1)
4.	Surplus/(Defisit)	(35.50)	99.25	134.75	(379.6)
5.	Baki Kredit Pada 31 Disember	2,876.36	2,975.60	99.24	3.5

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.6.1.3. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2010 adalah RM2.49 bilion berbanding RM2.83 bilion pada tahun 2009 iaitu menurun RM343.54 juta atau 12.1%. Peruntukan RM2.85 bilion telah diagihkan kepada 9 Kementerian/Jabatan pada tahun 2010 untuk maksud pembangunan. Daripada jumlah tersebut, RM2.49 bilion atau 87.4% telah dibelanjakan. Butiran pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi 9 Kementerian/Jabatan tersebut adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2010

Bil.	Kementerian/Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	1,862.05	1,717.45	92.2
2.	Kementerian Kemudahan Awam	492.48	290.58	59.0
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	288.80	277.05	95.9
4.	Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	88.15	90.44	102.6
5.	Kementerian Pemodenan Pertanian	43.00	41.17	95.7
6.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	24.16	26.02	107.7
7.	Jabatan Ketua Menteri	25.00	23.16	92.6
8.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	16.89	15.51	91.8
9.	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	9.74	8.84	90.8
Jumlah		2,850.27	2,490.22	87.4

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri dan hanya boleh digunakan bagi maksud ianya ditubuhkan. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Akaun Dana Kontingenensi dan Akaun Amanah Pelbagai. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2010 adalah RM1.80 bilion menurun

RM221.59 juta atau 11% berbanding tahun 2009. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Akaun	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian Kerajaan	(15.68)	(9.86)	5.82	(37.1)
2.	Akaun Perniagaan	18.25	19.62	1.37	7.5
3.	Akaun Pinjaman	21.19	20.65	(0.54)	(2.5)
4.	Akaun Dana Kontingensi	75.00	75.00	0	0
5.	Akaun Amanah Pelbagai	1,923.69	1,695.45	(228.24)	(11.9)
Jumlah		2,022.45	1,800.86	(221.59)	(11.0)

Sumber: *Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak*

4.6.2.1. Akaun Penyelesaian Kerajaan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 153, semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian Antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian Kerajaan yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2010, 7 akaun berjumlah RM6.07 juta masih belum diselesaikan. Butiran Akaun Penyelesaian Kerajaan terlibat adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26
Akaun Penyelesaian Kerajaan Yang Belum Diselesaikan

Bil.	Akaun	Baki Pada 31.12.2010 (Debit) (RM Juta)	Catatan
1.	Pengakap Sempadan	0.61	
2.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	0.49	Tidak aktif sejak tahun 1966.
3.	Operasi Tentera	3.06	
4.	Pendahuluan Persendirian	1.12	Digunakan untuk mengakaun 11 kes pecah amanah RM1.09 juta sejak tahun 1987 hingga 2007. Kes-kes ini masih dalam tindakan pihak berwajib. Sebanyak 27 kakitangan awam masih mempunyai tunggakan pendahuluan persendirian RM0.03 juta sejak tahun 1987 hingga Ogos 2010.
5.	Agensi Kerajaan Malaysia	0.38	Tidak aktif sejak tahun 2002.
6.	Pelarasan Cek Tendang	0.28	Sebanyak 438 cek tendang RM0.28 juta yang diterima dari tahun 1988 hingga 2010 telah ditolak oleh bank dan belum diganti. 210 cek tahun 1988 – 2009 berjumlah RM0.10 juta telah diselaraskan pada tahun 2011.
7.	Pendahuluan Am – Jabatan Tanah Dan Survei	0.13	Telah dicadangkan untuk hapus kira. Bagaimanapun, maklum balas pihak berwajib belum diperolehi.
Jumlah		6.07	

Sumber: *Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak dan Laporan Jabatan*

a. Akaun Perniagaan

- i. Akaun Amanah ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9(3), Akta Tatacara Kewangan, 1957. Semakan Audit mendapati, 8 Akaun Amanah telah ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak bagi tujuan memberi perkhidmatan dan bekalan kepada Kementerian/Jabatan Negeri dan Persekutuan. Kedudukan Akaun Perniagaan pada tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.27**. Pada akhir tahun 2010, amaun tertunggak RM5.65 juta bagi 8 akaun ini meningkat RM1.10 juta atau 24.1% berbanding tahun 2009 seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.27
Kedudukan Akaun Perniagaan Pada Tahun 2010

Bil.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	Baki Awal (RM Juta)	Baki Akhir (RM Juta)	Catatan
1.	<i>The Vehicles and Plant Hire Account</i>	6.03	5.12	Aktif
2.	<i>The Petrol, Oil and Lubricants Account</i>	0.39	0.60	Aktif
3.	<i>The General Trading Account</i>	0.14	0.45	Aktif
4.	<i>The Unallocated Store Account</i>	(1.65)	0.01	Aktif
5.	<i>The Plant Maintenance (Departmental) Trust Account</i>	(0.96)	(0.96)	Aktif
6.	<i>The Plant Maintenance (Development) Trust Account</i>	(1.30)	(1.20)	Aktif
7.	<i>The Quarry Trading Account</i>	0.51	0.51	Tidak Aktif
8.	<i>The Premix Plant Account</i>	0.34	0.34	Tidak Aktif

Sumber: Penyata Akaun Amanah

Jadual 4.28
Kedudukan Bil Tertunggak Pada Akhir Tahun 2010 Dan 2009

Bil.	Akaun Amanah	Jumlah Bil Tertunggak		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM)	2010 (RM)	(RM)	(%)
1.	<i>The Vehicles and Plant Hire Account</i>	1,918,997	2,336,597	417,600	21.8
2	<i>The Unallocated Store Account</i>	653,661	1,355,262	701,601	107.3
3	<i>The Petrol, Oil and Lubricants Account</i>	989,663	1,023,372	33,709	3.4
4.	<i>The Plant Maintenance (Departmental) Trust Account</i>	586,921	564,508	(22,413)	(3.8)
5.	<i>The General Trading Account</i>	351,776	319,158	(32,618)	(9.3)
6.	<i>The Plant Maintenance (Development) Trust Account</i>	45,188	42,973	(2,215)	(4.9)
7.	<i>The Quarry Trading Account</i>	4,796	4,796	0	0
8.	<i>The Premix Plant Account</i>	1,159	1,159	0	0
Jumlah		4,552,161	5,647,825	1,095,664	24.1

Sumber: Penyata Akaun Amanah

- ii. Sebahagian bil ini merupakan bil yang telah lama tertunggak sehingga melebihi 40 tahun dan tiada tindakan diambil untuk mengutip balik mahupun membuat pelarasan hapus kira. Kedudukan bil yang telah tertunggak antara satu hingga melebihi 40 tahun seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Bil Yang Tertunggak Antara satu Hingga Melebihi 40 Tahun

Bil.	Tempoh Tertunggak	Tahun	Jumlah (RM)
1.	Lebih 40 tahun	1970 dan sebelum	9,599
2.	31 hingga 40 tahun	1980 hingga 1971	318,147
3.	21 hingga 30 tahun	1990 hingga 1981	401,669
4.	11 hingga 20 tahun	2000 hingga 1991	835,724
5.	Kurang 10 tahun	2010 hingga 2001	4,082,686
Jumlah			5,647,825

Sumber: Penyata Akaun Amanah

- iii. Akaun Perniagaan Kuari dan Akaun Loji Premix didapati tidak aktif lagi selepas kuari dan loji premix Jabatan Kerja Raya dipajak kepada syarikat swasta. Akaun Perniagaan Kuari tidak aktif sejak Kuari Bintulu dipajak kepada Daiwoo Corporation Sdn. Bhd. pada tahun 1988, Kuari Stabar dipajak kepada PPES Kuari Sdn. Bhd pada tahun 1989 dan Kuari Niah dipajak kepada Buchald Sdn. Bhd. pada tahun 1989. Akaun Loji Premix pula tidak aktif sejak loji premix JKR di Kuching, Sibu dan Miri masing-masing dipajak pada tahun 1990, 1991 dan 1992 kepada PPES Premix Sdn. Bhd.
- iv. Selain daripada pelarasian bil dan kutipan balik bil tertunggak, tiada transaksi lain diperhatikan berlaku sejak tahun 1998 bagi kedua-dua akaun ini. Jabatan Kerja Raya perlu mengkaji semula keperluan kedua-dua akaun ini dan jika didapati tidak diperlukan lagi, disyorkan kelulusan daripada pihak yang berwajib diperoleh dan tindakan lain-lain yang diperlukan diambil untuk menutup kedua-dua akaun ini. Perkara ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lepas untuk tindakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bil bagi Akaun Amanah yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya adalah kurang memuaskan. Selain daripada bil tertunggak RM5.65 juta pada akhir tahun 2010, juga terdapat bil yang telah tertunggak melebihi 40 tahun. Jabatan Kerja Raya perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah bil tertunggak ini.

4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada individu dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2010, baki Kumpulan Wang Amanah ini adalah RM267.61 juta berbanding RM250.43 juta pada akhir tahun 2009 iaitu meningkat RM17.18 juta atau 6.9% seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam
Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Akaun	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Amanah Khas	201.99	210.81	8.82	4.4
2.	Amanah Am	48.44	56.80	8.36	17.3
Jumlah		250.43	267.61	17.18	6.9

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.6.3.1. Akaun Amanah Khas

Akaun Amanah Khas tertakluk kepada Arahan Amanah dan perlu menyediakan Penyata Akaun Amanah untuk dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara bagi tujuan pengesahan. Pada akhir tahun 2010, baki 8 akaun amanah khas adalah RM210.81 juta. Semua Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahun 2010 telah diterima untuk diaudit. Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31
Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahun 2010

Bil.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	Baki Awal (RM Juta)	Baki Akhir (RM Juta)
1.	<i>The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Fund</i>	118.90	124.36
2.	<i>Non-Pensionable Employees Provident Fund</i>	29.60	29.09
3.	<i>Rubber Fund</i>	21.45	24.11
4.	<i>Buoys and Lights Fund</i>	22.77	23.66
5.	<i>The Local Authorities Employees' Provident Fund</i>	3.89	3.87
6.	<i>Teachers' Provident Fund</i>	3.66	3.71
7.	<i>Turtles Board Staff Provident Fund</i>	1.52	1.82
8.	Amanah Penyu	0.19	0.19
Jumlah		201.98	210.81

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

a. ***The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Fund (Kumpulan Wang Kawasan Konsesi Hutan)***

Kumpulan Wang Kawasan Konsesi Hutan ditubuhkan di bawah *The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Fund Ordinance 1985*. Tujuan akaun ini adalah untuk memulihkan ekonomi, sosial dan pembangunan masyarakat setempat yang terjejas akibat aktiviti pembalakan, meningkat/membaiki/menyedia kemudahan infrastruktur, kemudahan awam dan sosial di dalam atau di luar kawasan konsesi hutan, meningkatkan tahap kesihatan dan pendidikan serta menjalankan aktiviti untuk kepentingan dan faedah masyarakat setempat. Pada akhir tahun 2010, baki Kumpulan Wang adalah RM118.15 juta meningkat RM8.76 juta atau 8% berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, jumlah yang dilaporkan di Lembaran Imbangan Kumpulan Wang ini berbeza RM6.22 juta berbanding amaun yang ditunjukkan di Penyata Lengkap Kumpulan Wang Amanah Awam. Tiada penyata penyesuaian disediakan bagi menjelaskan perbezaan tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati pelaburan Kumpulan Wang dalam ASSAR Asset Management

Sdn. Bhd. setakat 31 Disember 2010 telah mengalami kerugian tidak nyata RM11.33 juta berdasarkan nilai pasaran semasa iaitu RM16.94 juta berbanding kos asal pelaburan RM28.27 juta.

b. Akaun Dana Getah

Akaun Dana Getah ditubuhkan di bawah *The Rubber Ordinance* 1958. Akaun ini bertujuan untuk membiayai perbelanjaan berkaitan dengan pengurusan dana getah, penyelidikan dan menambah baik industri getah. Hasil utama bagi dana ini adalah kutipan ses getah. Pada akhir tahun 2010, baki akaun amanah ini adalah RM24.11 juta iaitu meningkat RM2.65 juta atau 12.4% berbanding RM21.45 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun semakan Audit mendapati jumlah yang dilaporkan berbeza RM1.10 juta berbanding amaun yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan Akaun Dana Getah. Selain itu, *The Rubber Ordinance* 1958 menetapkan satu jawatankuasa hendaklah ditubuhkan dan ahlinya dilantik untuk mentadbir Kumpulan Wang ini. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2010 kerana tempoh lantikan Jawatankuasa tamat pada 31 Disember 2009 dan tiada lantikan baru dibuat pada tahun 2010.

4.6.4. Pembentangan Penyata Akaun Di Dewan Undangan Negeri

Pengurusan Akaun Amanah adalah tertakluk kepada Arahan Amanah yang dinyatakan di bawah ordinan/prosedur berkaitan. Semakan Audit mendapati 13 daripada Akaun Amanah yang perlu menyediakan Penyata Akaun Tahunan ini memperuntukkan supaya Akaun Amanah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, 9 daripada 13 akaun belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri bagi Penyata Akaun yang telah disahkan seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32
Penyata Akaun Belum Dibentang Di Dewan Undangan Negeri

Bil.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	Tahun Penyata Akaun
1.	<i>Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund</i>	2006-2009
2.	<i>The State Road Maintenance Fund</i>	2006-2009
3.	<i>Low Cost Housing Revolving Fund Trust Account</i>	2006-2009
4.	<i>The Special Land Acquisition Fund</i>	2008-2009
5.	<i>The Bandar Sibu Development Trust Fund</i>	2008-2009
6.	<i>The Government Group Personal Accident Insurance Fund</i>	2008-2009
7.	<i>Housing Loan Trust Account For Low Income Group</i>	2008-2009
8.	<i>Buoys and Lights Fund</i>	2008-2009
9.	<i>The Sarawak Dewan Suarah Fund</i>	2009

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri

4.6.5. Deposit

4.6.5.1. Deposit adalah wang yang disimpan bagi tujuan tertentu dan perlu dikembalikan atau diselaraskan selepas tujuannya telah dicapai. Pada akhir tahun 2010, deposit yang dipegang oleh Kerajaan Negeri meningkat RM269.31 juta atau 114.2% menjadi RM505.07 juta berbanding RM235.76 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan

pertambahan amaun deposit dalam tahun 2010 terutamanya Deposit Khas Jabatan Kerja Raya RM163.52 juta, Deposit Khas Jabatan Tanah Dan Survei RM93.62 juta dan Deposit Sekuriti RM8.71 juta. Pertambahan deposit ini adalah disebabkan pertambahan dalam jumlah bilangan projek semasa. Kedudukan deposit bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.33**. Manakala trend baki deposit bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.34**. Baki deposit bagi tahun 2010 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.33
Kedudukan Deposit Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Jenis Deposit	Tahun		Peningkatan	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	42.92	54.93	12.01	28.0
2.	Deposit Khas	192.84	450.14	257.30	133.4
Jumlah		235.76	505.07	269.31	114.2

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

Jadual 4.34
Baki Deposit Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Jenis Deposit	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Deposit Am	38.06	54.33	80.23	42.92	54.93
2.	Deposit Khas	70.34	208.32	206.39	192.84	450.14
Jumlah		108.40	262.65	286.62	235.76	505.07

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.6.5.2. Semakan Audit mendapati baki deposit dalam Penyata Akaun Awam pada akhir tahun berbeza RM24.51 juta dengan senarai baki individu yang disediakan bagi Deposit Khas Jabatan Kerja Raya. Perbezaan berkenaan disebabkan rekod yang disimpan oleh jabatan tidak lengkap dan tidak kemas kini. Di samping itu, penyata penyesuaian tidak disediakan bagi menjelaskan perbezaan berkenaan.

4.6.6. Akaun Kena Bayar

4.6.6.1. Akaun Kena Bayar (AKB) adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun berikutnya bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah dilakukan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Pada tahun 2010, baki AKB menunjukkan peningkatan RM92.60 juta atau 43.8% berbanding tahun 2009. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh pembayaran perbelanjaan pembangunan dan bekalan tahun 2010 tidak sempat dilakukan dalam tempoh akaun semasa. Kedudukan perbelanjaan AKB pada tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.35**.


Jadual 4.35
Akaun Kena Bayar Mengikut Kementerian/Jabatan Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Kementerian/Jabatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	66.42	94.73	28.31	42.6
2.	Kementerian Kewangan	23.13	83.47	60.34	260.9
3.	Jabatan Ketua Menteri	38.29	58.51	20.22	52.8
4.	Kementerian Kemudahan Awam	26.90	21.76	(5.14)	(19.1)
5.	Kementerian Pemodenan Pertanian	18.15	13.96	(4.19)	(23.1)
6.	Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	11.54	9.71	(1.83)	(15.9)
7.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	8.47	7.39	(1.08)	(12.8)
8.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	4.80	6.83	2.03	42.3
9.	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	10.75	3.61	(7.14)	(66.4)
10.	Pelbagai Jabatan	1.81	1.27	(0.54)	(29.8)
11.	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam	0.52	1.12	0.60	115.4
12.	Jabatan Undang-undang Negeri	0.12	0.68	0.56	466.7
13.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	0.23	0.50	0.27	117.4
14.	Kementerian Pembangunan Tanah	0.26	0.42	0.16	61.5
15.	Kementerian Perumahan	0.17	0.20	0.03	17.6
Jumlah		211.56	304.16	92.60	43.8

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.6.6.2. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh 5 tahun menunjukkan peningkatan pada tahun 2006 hingga 2010 kecuali tahun 2007 dan 2009 menunjukkan penurunan seperti yang ditunjukkan di **Carta 4.4**. Kedudukan AKB pada tahun 2010 adalah yang ke-2 tertinggi dalam tempoh 5 tahun iaitu selepas tahun 2006.

Carta 4.4
Kedudukan Akaun Kena Bayar Bagi Tempoh 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.7. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan yang mudah ditukar kepada wang tunai. Aliran masuk wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, terimaan pinjaman dan terimaan modal. Aliran keluar wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan wang tunai RM7.10 juta berikutan jumlah terimaan melebihi jumlah bayaran berbanding kurangan RM18.73 juta pada tahun 2009.

4.7.2. Terimaan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 adalah RM11.24 bilion. Komponen terbesar adalah terimaan hasil yang berjumlah RM5.61 bilion atau 49.9%. Komponen lain iaitu terimaan modal RM5.23 bilion atau 46.5% dan terimaan pinjaman berjumlah RM400.54 juta atau 3.6%.

4.7.3. Bayaran Kerajaan Negeri pada tahun 2010 pula adalah RM11.23 bilion. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah Lain-lain Bayaran berjumlah RM4.98 bilion atau 44.3%. Komponen lain adalah perbelanjaan pembangunan RM2.49 bilion atau 22.2%, perbelanjaan modal RM2.47 bilion atau 22%, perbelanjaan mengurus RM1.23 bilion atau 11% dan bayaran balik pinjaman berjumlah RM55.95 juta atau 0.5%.

4.7.4. Penerimaan dan pembayaran wang tunai pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.36
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Terimaan	10,122.59	11,237.36	1,114.77	11.0
	i. Hasil	4,563.28	5,606.74	1,043.46	22.9
	ii. Pinjaman	213.13	400.54	187.41	87.9
	iii. Terimaan Modal	5,346.18	5,230.08	(116.10)	(2.2)
2.	Bayaran	10,141.32	11,230.26	1,088.94	10.7
	i. Perbelanjaan Mengurus	1,209.58	1,233.22	23.64	2.0
	ii. Perbelanjaan Pembangunan	2,833.76	2,490.22	(343.54)	(12.1)
	iii. Perbelanjaan Modal	1,120.04	2,467.22	1,347.18	120.3
	iv. Bayaran Balik Pinjaman	88.30	55.95	(32.35)	(36.6)
	v. Lain-lain Bayaran	4,889.64	4,983.65	94.01	1.9
(Kurangan)/Lebihan Wang Tunai		(18.73)	7.10	25.83	(137.9)

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Aset terdiri dari pelaburan saham dalam syarikat awam dan syarikat tidak tersenarai, ekuiti dalam syarikat serta pinjaman kepada Agensi yang boleh dituntut manakala tanggungan terdiri dari pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan Institusi Kewangan yang diluluskan. Jumlah aset yang diakaunkan dalam Akaun Memorandum pada akhir tahun 2010 adalah RM4.9 bilion meningkat RM66.42 juta atau 1.4% berbanding tahun sebelumnya. Tanggungan Kerajaan Negeri yang merupakan hutang kepada Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan RM356.60 juta atau 20.4% berbanding tahun 2009 dan baki tanggungan pada akhir tahun 2010 adalah RM2.10 bilion.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sumber bagi pinjaman ini adalah daripada Kerajaan Negeri atau menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2010, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat RM58.31 juta atau 2.6% daripada RM2.25 bilion pada tahun 2009 kepada RM2.30 bilion pada tahun 2010. Peningkatan ini berlaku kerana pengeluaran pinjaman dan pinjaman baru RM129.73 juta manakala bayaran balik, faedah dipermodalkan dan penurunan tukaran wang asing adalah RM71.42 juta.

4.8.1.2. Analisis perbandingan baki pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan peningkatan RM54.62 juta pada tahun 2007 dan RM58.31 juta pada tahun 2010. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

Jadual 4.37
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Agensi/Pinjaman	Baki Pinjaman				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun dan Perbadanan	2,207.92	2,265.67	2,260.59	2,199.91	2,258.70
2.	Dewan Bandaraya/Majlis Perbandaran	52.83	49.73	46.69	46.21	45.73
3.	Skim Pinjaman Pelajar	0.53	0.50	0.50	0.50	0.50
Jumlah		2,261.28	2,315.90	2,307.78	2,246.62	2,304.93

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.8.1.3. Analisis Audit seterusnya mendapati 142 pinjaman tidak berubah antara satu hingga 23 tahun. Ini adalah disebabkan agensi/syarikat memohon penstrukturkan semula pinjaman dan kelulusan belum diperolehi. Semakan Audit juga mendapati agensi/syarikat mengambil masa yang lama menyediakan kertas permohonan, menunggu keputusan di peringkat Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.38**.

Jadual 4.38
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Yang Tidak Berubah

Bil.	Peminjam	Bil. Pinjaman	Amaun Dibenarkan (RM Juta)	Baki Pinjaman Belum Selesai Pada 1.1.2010 (RM Juta)	Baki Pinjaman Belum Selesai Pada 31.12.2010 (RM Juta)
1.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	21	155.60	137.26	137.26
2.	Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	2	90.00	86.49	86.49
3.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	15	145.70	81.93	81.93
4.	Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	5	45.72	41.47	40.93
5.	Sarawak Timber Industry Development Corporation	1	42.10	41.47	41.47
6.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	87	98.86	88.34	88.34
7.	Permodalan Assar Sdn. Bhd.	2	25.00	25.00	25.00
8.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	5	19.06	19.06	19.05
9.	Majlis Perbandaran Padawan	2	12.62	12.62	12.62
10.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	2	15.30	15.30	15.30
Jumlah		142	649.96	548.94	548.39

Sumber: Jabatan Perpendidaraan Negeri Sarawak

4.8.1.4. Pada tahun 2010, Agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM608.27 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM94.83 juta dan tunggakan tahun terdahulu sejumlah RM513.44 juta. Bagaimanapun, hanya RM73.17 juta dijelaskan dalam tahun 2010. Selain itu didapati, tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada tahun 2010 berjumlah RM535.10 juta mencatatkan peningkatan RM21.66 juta atau 4.2% berbanding baki tunggakan bayaran balik pada tahun 2009 iaitu sejumlah RM513.44 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan 7 agensi tidak membuat pembayaran balik pinjaman yang matang pada tahun 2010 dan 5 agensi membayar sebahagian daripada jumlah bayaran balik serta tunggakan bayaran balik pinjaman yang sepatutnya. Kedudukan ansuran pinjaman Agensi yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Negeri berbanding dengan bayaran sebenar yang telah dibuat pada tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.39**.

Jadual 4.39
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada Tahun 2010

Bil.	Butiran Pinjaman	Tunggakan Pada 1.1.2010 (RM Juta)	Anuiti 2010 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Tahun 2010 (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan Tahun 2010 (RM Juta)	Tunggakan Akhir Tahun 2010 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun	498.28	87.37	585.65	72.69	512.96
2.	Dewan Bandaraya/ Majlis Perbandaran	15.16	7.46	22.62	0.48	22.14
Jumlah		513.44	94.83	608.27	73.17	535.10

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.8.1.5. Baki tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2010 adalah RM535.10 juta yang melibatkan ansuran tertunggak antara satu hingga 23 tahun. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman adalah seperti di **Jadual 4.40**.

Jadual 4.40
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Sehingga Tahun 2010

Bil.	Peminjam	Tempoh Tunggakan Mengikut Tahun/ (RM Juta)			Jumlah (RM Juta)
		1	2 hingga 3	3 ke atas	
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	126.52	23.35	8.19	158.06
2.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak	24.11	17.24	34.82	76.17
3.	Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	0	0	26.61	26.61
4.	Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	11.31	8.65	41.27	61.23
5.	Sarawak Timber Industry Development Corporation	12.11	24.21	12.11	48.43
6.	Lembaga Pelabuhan Miri	30.35	7.42	18.89	56.66
7.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	3.67	0.77	43.27	47.71
8.	Pemodaluan Assar Sdn. Bhd.	0	0	34.60	34.60
9.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	2.63	0.55	0.25	3.43
10.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	9.56	-	-	9.56
11.	Majlis Perbandaran Padawan	5.41	1.43	1.43	8.27
12.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	4.37	0	0	4.37
Jumlah		230.04	83.62	221.44	535.10

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.8.1.6. Tiga pinjaman Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke berjumlah RM16.74 juta telah diluluskan untuk ditukar sebagai ekuiti pada 22 September 2010.

4.8.1.7. Dua puluh tujuh pinjaman belum disediakan jadual bayaran balik yang merupakan pinjaman diluluskan antara tahun 1988 hingga 2009 seperti di **Jadual 4.41**.

Jadual 4.41
Jadual Bayaran Balik Belum Disediakan

Bil.	Agensi	Perjanjian	Tarikh	Amaun Dibenarkan (RM Juta)	Baki Belum Selesai Pada 31.12.2010 (RM Juta)
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	i. HDC/2007/01	18.07.2001	3.00	3.00
		ii. HDC/SL/2008/01	06.08.2008	3.00	3.00
2.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	iii. C/SFS/SALCRA/5/1	06.10.1988	3.30	2.24
		iv. C/SFS/SALCRA/6/(4)	03.05.1988	5.26	2.61
		v. C/SFS/SALCRA/5/1	06.10.1988	4.99	2.52
		vi. C/SFS/SALCRA/9/(19)	04.04.1988	9.76	2.10
		vii. C/SFS/SALCRA/1	14.01.1989	2.43	2.02
		viii. SALCRA/2002/01	08.05.2002	24.79	15.07
		ix. SALCRA/2002/03	03.12.2002	70.00	31.25
		x. SALCRA/2002/02	15.11.2002	17.00	5.24
		xi. KWB/FLR/2007/01	22.11.2007	14.00	14.00
		xii. KWB/FLR/2008/01	08.01.2008	27.00	22.64
3.	Lembaga Air Kuching	xiii. SWB/2007/01	25.07.2007	62.58	50.12
		xiv. SWB/2007/02	17.09.2007	14.00	14.00
5.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	xv. LCDA/2000/01	08.11.2000	46.79	23.56
		xvi. LCDA/1995/2	29.04.1995	72.50	62.90
		xvii. LCDA/2001/02	05.11.2001	1.20	1.26
		xviii. LCDA/2001/04	04.12.2001	1.44	0.61
		xix. LCDA/2001/06	04.12.2001	1.20	0.55
		xx. LCDA/2003/02	10.05.2003	18.01	17.63
		xxi. LCDA/2005/02	19.09.2005	0.72	0.28
		xxii. LCDA/2001/07	04.12.2001	1.20	0.14
		xxiii. LCDA/SL/2007/01	14.12.2007	66.15	55.93
		xxiv. SPF/SL/2008/01	28.01.2008	45.84	45.84
7.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	xxv. SISB/SL/2009/01	16.09.2009	5.60	5.60
		xxvi. SISB/SL/2009/02	05.10.2009	8.16	8.16
8.	Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd.	xxvii. SERI/SL/2009/01	05.08.2009	3.00	3.00
Jumlah				532.92	395.27

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

Pada pendapat Audit, jadual bayaran balik perlu disediakan semasa penyediaan perjanjian pinjaman bagi membolehkan pihak yang terlibat merancang dan menguruskan aliran tunai serta mengelak berlakunya tunggakan bayaran balik. Selain itu, komunikasi dan koordinasi dengan pihak yang terlibat dalam penstrukturkan semula pinjaman perlu dipertingkatkan bagi membolehkan keputusan permohonan dipertimbangkan sewajarnya.

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pada keseluruhannya, pelaburan Kerajaan Negeri mengikut nilai buku sehingga 31 Disember 2010 adalah RM3.84 bilion berbanding RM3.70 bilion pada tahun 2009 iaitu meningkat RM143.28 juta atau 3.8%. Peningkatan adalah disebabkan Kerajaan Negeri menambah pelaburan *Right Shares* dalam MISC Berhad sebanyak 6.13 juta unit berjumlah RM42.93 juta dan Malaysia Airline System Berhad sebanyak 500,000 unit berjumlah RM0.80 juta. Kerajaan Negeri juga menambah pelaburan dalam saham

keutamaan boleh tebus di syarikat SSHHMC Management & Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM 64.74 juta dan SI Capital Sdn. Bhd berjumlah RM12.07 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri turut membuat caruman ekuiti di Borsamulu Resort Sdn. Bhd berjumlah RM1 juta serta meluluskan 3 pinjaman Kerajaan Negeri kepada *Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation* ditukar kepada penyertaan ekuiti berjumlah RM16.74 juta. Semakan Audit juga mendapati Kerajaan Negeri telah meluluskan penyertaan ekuiti RM5 juta dalam *Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation* pada tahun 1983. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.42**.

Jadual 4.42
Pertambahan Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Syarikat	Tahun		Peningkatan	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pelaburan Dalam Syarikat Awam					
1.	MISC Bhd.	33.80	76.73	42.93	127
2.	Malaysia Airline System Berhad	137.40	138.20	0.80	0.6
Pelaburan dalam Syarikat Tak Senarai					
1.	SSHMC Management & Holdings Sdn. Bhd.	231.46	296.20	64.74	28.0
2.	<i>Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation</i>	0	21.74	21.74	100
3.	SI Capital Sdn. Bhd.	116.19	128.26	12.07	10.4
4.	Borsamulu Resort Sdn. Bhd.	1.00	2.00	1.00	100
Jumlah		519.85	663.13	143.28	27.6

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

4.8.2.2. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri meningkat setiap tahun daripada 2008 hingga 2010. Pada tahun 2007, pelaburan Kerajaan Negeri mengalami penurunan berbanding tahun 2006. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri adalah yang tertinggi pada tahun 2010 dalam tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 4.43**.

Jadual 4.43
Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2006 Hingga 2010

Bil.	Pelaburan	Pelaburan Mengikut Nilai Buku Dan Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Pelaburan Dalam Syarikat	2,498.79	2,557.02	2,557.02	2,553.93	677.31
2.	Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai *	661.89	713.35	760.44	876.40	2,873.56
3.	Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti	448.97	268.58	269.58	269.58	292.32
Jumlah		3,609.65	3,538.95	3,587.04	3,699.91	3,843.19

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

Nota: * - Mulai tahun 2005, Pelaburan Dalam Badan Berkanun telah ditukar ke Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai

4.8.2.3. Analisis Audit mendapati pada akhir tahun 2010, nilai pasaran saham bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah RM1.77 bilion berbanding dengan nilai buku RM677.31 juta.

4.8.2.4. Pada tahun 2010, dividen dari pelaburan saham yang diterima adalah RM1.41 bilion meningkat RM546.41 juta berbanding RM864.10 juta dividen yang diterima pada tahun 2009 tanpa mengambil kira bayaran balik dividen yang diterima daripada LHDN berjumlah RM234.43 juta. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menerima RM21 juta dividen tahun 2010 yang dibayar pada tahun 2011. Senarai syarikat yang membayar dividen atas pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.44**. Kedudukan dividen yang diterima pada tahun 2010 adalah yang ke-2 tertinggi dalam tempoh 5 tahun iaitu selepas tahun 2008.

Jadual 4.44
Senarai Syarikat Yang Memberi Dividen Pelaburan Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Syarikat	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Bintulu Ports Holdings Bhd.*	39.29	44.66	49.81	50.49	46.0
2.	Malaysia International Shipping Corp.*	18.40	18.40	21.47	21.47	22.69
3.	Sarawak Plantation Bhd.*	39.14	29.35	12.92	4.99	6.77
4.	Petronas Dagangan Bhd.*	0.29	0.44	0.67	0.68	0.90
5.	Malaysia Airport Holdings Bhd.*	0.13	0.13	0.59	0.62	0.77
6.	ASSAR*	0	0	0	0	0.77
7.	Telekom Malaysia Bhd.*	0.93	1.29	2.31	0.65	0.61
8.	Tenaga Nasional Bhd.*	0.14	0.54	0.41	0.23	0.30
9.	Sistem Penerbangan Malaysia Bhd.*	0	0	1.13	0	0
Jumlah		98.32	94.81	89.31	79.13	78.81
10.	Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd.	200.00	250.00	550.00	180.00	560.00
11.	Malaysia LNG Tiga Sdn. Bhd.	130.00	170.00	530.00	260.00	390.00
12.	Malaysia Liquefied Natural Gas Sdn. Bhd.	120.00	110.00	435.00	255.00	250.00
13.	Shell MDS (Malaysia) Sdn. Bhd.	0	0	8.40	33.60	49.00
14.	Sarawak Energy Bhd.	27.73	29.55	36.54	40.74	40.74
15.	SGOS Capital Holdings Sdn. Bhd.	0	0	0	0	20.00
16.	Shell Timur Sdn. Bhd.	11.40	13.80	9.00	0	12.80
17.	Borneo Housing Mortgage Finance Bhd.	6.83	6.83	6.83	6.83	8.83
18.	Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.	3.00	0	20.50	8.68	0
19.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	0	0	1.30	0.13	0
20.	Sarawak Plantation Services Sdn. Bhd.	0	0	0.91	0	0
21.	Borneo Housing Mortgage Finance Realty Sdn. Bhd.	0	0.65	0.44	0.00	0.33
22.	LAKU Management Sdn. Bhd.	0	0.72	0	0	0
23.	Syarikat Sesco Bhd.	6.39	0	0	0	0
Jumlah		505.35	581.55	1,598.92	784.98	1,331.70
Jumlah Dividen Diterima		603.67	676.36	1,688.23	864.10	1,410.51
Bayaran Balik LHDN		157.18	0	630.90	0	234.43
Jumlah Keseluruhan		760.85	676.36	2,319.13	864.10	1,644.94

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

Nota: * Syarikat Tersenarai

4.8.2.5. Semakan Audit mendapati Borneo Housing Mortgage Finance Berhad telah mengisyiharkan bayaran dividen RM33.50 juta pada tahun 2007 dan RM22.48 juta telah dijelaskan melalui 3 bayaran interim pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Sehingga 31 Disember 2010, baki dividen yang belum dijelaskan adalah RM11.02 juta.

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Selain itu, Kerajaan Negeri juga boleh meminjam di bawah kuasa Undang-undang Negeri dengan kelulusan Bank Negara mengikut Perkara 112B Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2010, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat RM356.60 juta atau 20.4% menjadi RM2.10 bilion berbanding RM1.75 bilion pada tahun 2009. Pada tahun 2010, pembayaran anuiti pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM55.95 juta. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.45**.

Jadual 4.45
Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2010 Berbanding Tahun 2009

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	621.02	858.56	237.54	38.2
2.	Perumahan	659.35	638.30	(21.05)	(3.0)
3.	Pertanian	221.42	244.64	23.22	10.5
4.	Pembetungan Najis Dan Perparitan	103.11	158.89	55.78	54.1
5.	Perindustrian	122.27	183.41	61.14	50.0
6.	Institusi Pelaburan	20.00	20.00	0	0
7.	Pelabuhan	0.28	0.25	(0.03)	(10.7)
Jumlah		1,747.45	2,104.05	356.60	20.4

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.8.3.2. Analisis perbandingan baki hutang awam bagi tahun 2006 hingga tahun 2010 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun antara RM57.00 juta atau 4% pada 2007 kepada RM356.60 juta atau 20.4% pada tahun 2010. Kedudukan baki hutang awam bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.46**. Kedudukan baki hutang tahun 2010 adalah yang tertinggi berbanding 5 tahun kebelakangan.

Jadual 4.46
Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Tujuan Pinjaman	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	359.87	436.13	582.69	621.02	858.56
2.	Perumahan	750.14	720.31	689.88	659.35	638.30
3.	Pelbagai	35.13	32.51	139.00	245.66	362.55
4.	Pertanian	219.63	233.06	226.05	221.42	244.64
Jumlah		1,364.77	1,422.01	1,637.62	1,747.45	2,104.05

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.8.3.3. Pada tahun berakhir 2010, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM38.44 juta bagi 51 pinjaman yang mana tempoh bayaran balik tamat pada bulan Disember. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menjelaskan RM30.10 juta pada 12 Mei 2011 manakala baki yang belum dijelaskan adalah RM8.34 juta.

4.8.4. Tunggakan Hasil

4.8.4.1. Pada akhir tahun 2010, tunggakan hasil Kerajaan Negeri meningkat RM7.39 juta atau 7% menjadi RM112.49 juta daripada RM105.10 juta pada tahun 2009. Tunggakan hasil mengikut butiran hasil pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.47**.

Jadual 4.47
Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2010 Berbanding Tahun 2009

Bil.	Tunggakan Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Premium Tanah	34.13	37.58	3.45	10.1
2.	Pelbagai	43.22	26.76	(16.46)	(38.1)
3.	Jualan Stor Dan Air	25.60	25.44	(0.16)	(0.6)
4.	Dividen	0	20.55	20.55	100
5.	Royalti Dan Permit	2.15	2.16	0.01	0.5
Jumlah		105.10	112.49	7.39	7.0

Sumber: Penyata Akaun Belum Terima

4.8.4.2. Analisis Audit terhadap tunggakan hasil mendapati perkara berikut:

- Tunggakan Premium tanah meningkat RM3.45 juta iaitu 10.1% pada tahun 2010 menjadi RM37.58 juta berbanding RM34.13 juta pada tahun 2009 disebabkan oleh ansuran premium tanah estet perindustrian yang tidak dijelaskan. Bagi mengurangkan tunggakan, pada tahun 2011 Jabatan Tanah Dan Survei telah memulakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 33 Kanun Tanah Negeri terhadap pemutang degil serta meneruskan usaha mengutip tunggakan di bawah *recovery exercise*.
- Tunggakan hasil Pelbagai menurun RM16.46 juta atau 38.1% menjadi RM26.76 juta. Penurunan adalah disebabkan bayaran balik yang diterima pada tahun 2010.
- Tunggakan Jualan Stor dan Air menurun RM0.16 juta atau 0.6% pada tahun 2010 menjadi RM25.44 juta berbanding RM25.60 juta pada tahun 2009 disebabkan penurunan dalam tunggakan akaun Amanah. Hasil jualan air menyumbang 87% daripada jumlah keseluruhan tunggakan. JKR melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan menghantar notis tuntutan, notis pemotongan dan kerja pemotongan bekalan air.

- d. Tunggakan dividen berjumlah RM20.55 juta merupakan tunggakan bayaran balik cukai yang dipotong dari hasil dividen bagi tahun 2009 iaitu RM14.9 juta dan bakinya merupakan bayaran balik cukai yang diterima daripada SAINS. Tunggakan royalti dan permit meningkat RM0.01 juta atau 0.5% pada tahun 2010 menjadi RM2.16 juta berbanding RM2.15 juta pada tahun 2009.
- e. Analisis perbandingan antara kutipan hasil sebenar pada tahun 2010 berbanding tunggakan hasil pada tahun 2010 mendapati prestasi kutipan hasil meningkat RM1.04 bilion bagaimanapun tunggakan hasil turut mencatatkan peningkatan RM7.39 juta atau 7%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh bil-bil yang belum dijelaskan.

4.8.4.3. Kedudukan trend tunggakan hasil bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan di **Jadual 4.48**. Kedudukan tunggakan hasil meningkat berbanding tahun 2009 dan 2008 tetapi lebih rendah berbanding tahun 2007.

Jadual 4.48
Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Tunggakan Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Premium Tanah	27.60	34.18	37.45	34.13	37.58
2.	Pelbagai	22.10	43.43	42.58	43.22	26.76
3.	Jualan Stor Dan Air	18.25	20.89	19.49	25.60	25.44
4.	Dividen	0	369.43	0.00	0	20.55
5.	Royalti Dan Permit	2.13	2.18	3.22	2.15	2.16
6.	Pampasan Dan Gantian Cukai Eksais	18.53	0	0	0	0
Jumlah		88.61	470.11	102.74	105.10	112.49

Sumber: Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.9. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.9.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah sangat baik kerana baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM15.71 bilion meningkat RM2.47 bilion berbanding RM13.23 bilion pada akhir tahun 2009. Surplus meningkat RM1.30 bilion iaitu daripada RM0.92 bilion pada tahun 2009 menjadi RM2.22 bilion pada tahun 2010. Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 juga meningkat RM1.04 bilion atau 22.9% menjadi RM5.61 bilion berbanding RM4.56 bilion bagi tahun 2009. Bagaimanapun, tunggakan hasil meningkat RM7.39 juta atau 7% menjadi RM112.49 juta daripada RM105.10 juta pada tahun 2009. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menurun RM8.71 juta atau 0.7% iaitu daripada RM1.30 bilion pada tahun 2009 kepada RM1.29 bilion pada tahun 2010. Bagaimanapun, Akaun Kena Bayar menunjukkan peningkatan RM92.6 juta atau 43.8% berbanding tahun 2009. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat RM58.31 juta atau 2.6% daripada RM2.25 bilion pada tahun 2009 kepada RM2.30 bilion pada tahun 2010. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut turut meningkat RM21.66 juta atau 4.2% daripada RM513.44 juta pada tahun 2009 kepada RM535.10 juta pada tahun 2010. Jumlah hutang awam meningkat RM356.60 juta atau 20.4% menjadi RM2.10 bilion berbanding

RM1.75 bilion pada tahun 2009 manakala tunggakan bayaran balik hutang awam berjumlah RM38.44 juta.

4.9.2. Bagi memperkuuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha untuk mengutip tunggakan hasil berjumlah RM112.49 juta dan mengambil tindakan lebih tegas menuntut tunggakan pinjaman daripada agensi dan syarikat yang berjumlah RM535.10 juta. Di samping itu, Kerajaan Negeri perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemat dan memberikan latihan yang berterusan kepada penjawat awam dalam bidang perakaunan dan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kompetensi mereka.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-9

5.1. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) digubal untuk memenuhi dasar dan strategi pembangunan negara bagi tempoh 5 tahun (2006-2010). Melalui pelaksanaan projek baru dan sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) adalah sebagai penggerak pembangunan Negeri Sarawak. Pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap projek pembangunan ini adalah penting untuk menjamin pelaksanaan yang lancar dan dijalankan secara konsisten di semua peringkat. Penyelesaian yang cekap dan berkesan perlu bagi memastikan semua program dan projek yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan. Siling bagi peruntukan RMKe-9 secara keseluruhannya adalah RM12.53 bilion manakala peruntukan yang diluluskan telah diperuntukkan kepada 9 Kementerian/Jabatan bagi melaksanakan projek di bawah RMKe-9 adalah berjumlah RM13.28 bilion. Prestasi perbelanjaan berbanding siling dan peruntukan yang diluluskan adalah 90.4% dan 95.8% masing-masing seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Pencapaian Perbelanjaan RMKe-9 Sehingga 31 Disember 2010

Bil.	Kementerian/Jabatan	Siling Diluluskan (RM Juta)	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga Tahun 2010 (RM Juta)	Siling (%)	Peratus (%)
1.	Jabatan Ketua Menteri	71.66	61.24	69.84	97.5	114.0
2.	Kementerian Perancangan & Pengurusan Sumber	230.76	182.18	228.14	98.9	125.2
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur & Perhubungan	1,487.60	1,441.61	1,466.53	98.6	101.7
4.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	8,905.90	9,493.72	8,660.78	97.2	91.2
5.	Kementerian Pemodenan Pertanian	224.48	249.86	222.20	99.0	88.9
6.	Kementerian Kemudahan Awam	1,149.53	1,280.28	920.60	80.1	71.9
7.	Kementerian Pembangunan Sosial & Urbanisasi	51.72	62.21	54.04	104.5	86.9
8.	Kementerian Pembangunan Bandar & Pelancongan	343.64	410.78	317.23	92.3	77.2
9.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	68.90	97.40	66.72	96.8	68.5
Jumlah		12,534.19	13,279.28	12,006.08	95.8	90.4

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

5.2. Bagi tempoh RMKe-9, Kerajaan Negeri telah merancang untuk melaksanakan 622 projek fizikal meliputi pembinaan jambatan, jalan, bangunan dan dermaga serta 1,427 projek bukan fizikal bagi aktiviti seperti geran, pelaburan, sumbangsan, penyelenggaraan dan perkhidmatan. Antara projek fizikal yang telah siap dilaksanakan adalah projek infrastruktur seperti pembinaan jambatan, jalan, bangunan dan dermaga yang memberi kesan positif kepada masyarakat luar bandar.

5.3. Bagi projek bukan fizikal pencapaian hanya dipantau berdasarkan prestasi kewangan. Mengikut rekod yang disediakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU) bagi projek-projek fizikal, sehingga akhir tempoh RMKe-9, 481 atau 77.3% daripada 622 projek yang diluluskan telah siap dilaksanakan dan 320 atau 66.5% daripadanya adalah projek sambungan RMKe-8. Prestasi pelaksanaan projek fizikal sehingga akhir RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Pencapaian Pelaksanaan Projek Fizikal RMKe-9

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek			
		Jumlah Projek	Dalam Perancangan	Siap Sebenar	Sedang Dilaksana
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	198	31	148	19
2.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	152	9	123	20
3.	Kementerian Kemudahan Awam	118	25	86	7
4.	Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	40	5	26	9
5.	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	44	0	44	0
6.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	36	0	35	1
7.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	20	0	19	1
8.	Jabatan Ketua Menteri	14	13	0	1
Jumlah		622	83	481	58

Sumber: Rekod Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

5.4. Analisis Audit mendapati daripada 58 projek yang sedang dilaksanakan 25 atau 43.1% adalah projek ikut jadual, 19 atau 32.8% dahului jadual, 9 atau 15.5% lewat jadual dan 5 atau 8.6% projek tenat. Sebanyak 83 projek atau 13.3% masih di peringkat dalam perancangan iaitu di peringkat proses reka bentuk, tender atau penyediaan tapak.

6. PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

6.1. Kerajaan telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi akibat daripada krisis ekonomi global pada tahun 2007. Pakej ini dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun iaitu 2009 dan 2010. Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima peruntukan RM300 juta untuk membiayai 459 projek di bawah pakej ini. Setakat 31 Disember 2010, sejumlah RM232.46 juta atau 77.5% telah dibelanjakan oleh 5 Kementerian/Jabatan/Agenzi seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Pencapaian Perbelanjaan Pakej Rangsangan Ekonomi Sehingga 31 Disember 2010

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek Diluluskan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	203	102.70	90.57	88.2
2.	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	7	100.00	73.10	73.1
3.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	32	37.30	15.32	41.1
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	8	30.00	25.14	83.8
5.	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam	209	30.00	28.33	94.4
Jumlah		459	300.00	232.46	77.5

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

6.2. Analisis Audit terhadap pencapaian pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

6.2.1. Sebanyak 426 projek atau 92.8% siap dilaksanakan.

6.2.2. Sebanyak 18 projek atau 3.9% bernilai RM4.82 juta belum dimulakan. Kesemua projek ini merupakan projek membina dan menaik taraf jalan oleh Jabatan Kerja Raya.

6.2.3. Sebanyak 15 projek atau 3.3% sedang dilaksanakan, 3 ikut jadual, 2 dahulu jadual, 5 lewat jadual dan 5 projek tenat. Projek yang lewat jadual adalah 2 projek tebatan banjir, 2 projek membaik pulih sistem perparitan dan satu projek menaik taraf jalan raya. Antara sebab berlakunya kelewatan adalah pengurusan projek yang lemah oleh kontraktor, masalah pengalihan tiang dan kabel utiliti serta bantahan penduduk setempat.

6.2.4. Sebanyak 5 projek atau 1.1% merupakan projek tenat yang melibatkan peruntukan RM27 juta terdiri daripada 2 projek tebatan banjir, satu projek pemasangan lampa jalan, satu projek pembinaan Rumah Mampu Milik dan satu projek kawalan hakisan pantai.

7. PERUNTUKAN KHAS RM1 BILION

7.1. Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan peruntukan khas RM1 Bilion kepada Negeri Sarawak bagi tujuan menyediakan kemudahan asas luar bandar bagi tahun 2009 dan 2010. Bagi memastikan peruntukan khas RM1 Bilion ini dilaksanakan dengan berkesan, pihak Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak (SDO) diberi tanggungjawab memantau pelaksanaan projek-projek di bawah peruntukan ini. Memandangkan peruntukan tambahan RM1 Bilion adalah secara *one-off*, Unit Perancang Negeri telah mengenal pasti 61 projek yang dijangka tidak dapat disiapkan sepenuhnya sehingga akhir tahun 2010. Bagi menangani perkara tersebut, RM616.83 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan secara geran terus kepada Kerajaan Negeri Sarawak bermula Oktober 2010. Daripada RM616.83 juta, hanya 44.6% atau RM275.16 juta peruntukan telah dibelanjakan sehingga akhir tahun 2010 seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Khas RM1 Bilion Negeri Sarawak
Sehingga 31 Disember 2010

Bil.	Projek	Bilangan Projek	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Infrastruktur Jalan	19	513.98	233.77	45.5
2.	Infrastruktur Sosial	16	45.20	16.22	35.9
3.	Bekalan Air Luar Bandar	6	38.14	13.35	35.0
4.	Pembinaan dan Naik Taraf Masjid dan Surau	16	13.42	7.10	52.9
5.	Naik Taraf Sekolah Majlis Islam Sarawak	3	4.09	2.32	56.7
6.	Pembangunan Komuniti	1	2.0	2.40	120
Jumlah		61	616.83	275.16	44.6

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

7.2. Antara projek fizikal yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2010 adalah projek infrastruktur seperti pembinaan dan menaiktaraf masjid serta surau, menaiktaraf jalan serta bekalan air luar bandar. Pencapaian pelaksanaan projek fizikal mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Pencapaian Pelaksanaan Projek Fizikal Di Bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion
Setakat 31 Disember 2010

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek			
		Jumlah Projek	Dalam Perancangan	Siap Sebenar	Sedang Dilaksana
1.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	1	0	1	0
2.	Jabatan Kerja Raya Sarawak - Jalan	19	2	2	15
3.	Jabatan Kerja Raya Sarawak - Bangunan	23	3	6	14
4.	Jabatan Kerja Raya Sarawak – Bekalan Air	6	1	1	4
5.	Pejabat Pembangunan Negeri	1	0	1	0
6.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	4	0	1	3
7.	Majlis Daerah Lawas	3	1	0	2
8.	Pejabat Daerah Daro	2	1	0	1
9.	Pejabat Daerah Mukah	1	1	0	0
10.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	1	0	0	1
Jumlah		61	9	12	40

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

7.3. Analisis Audit mendapati daripada 40 projek yang sedang dilaksanakan, 10 atau 25% adalah projek ikut jadual, 8 atau 20% dahulu jadual, 16 atau 40% lewat jadual dan 6 atau 15% projek tenat. Sebanyak 9 projek atau 14.8% masih dalam perancangan iaitu di peringkat proses reka bentuk, tender atau penyediaan tapak.

8. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi projek-projek di bawah RMKe-9 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri adalah baik di mana sejumlah RM12.01 bilion atau 90.4% daripada RM13.28 bilion telah dibelanjakan. Pencapaian fizikal projek pembangunan RMKe-9 mendapati 481 atau 77.3% daripada 622 projek yang dirancang siap dilaksanakan. Pencapaian perbelanjaan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2010 sejumlah RM232.46 juta daripada RM300 juta atau 77.5% telah dibelanjakan dan 426 atau 92.8% daripada 459 keseluruhan fizikal projek siap dilaksanakan.



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

9. LATAR BELAKANG

9.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan. Manakala Bahagian IV, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995, Bahagian V dan VI, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996, Bahagian II, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan Bahagian IX, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 telah menetapkan tugas Ahli Lembaga Pengarah/Pengarah/Setiausaha Majlis di sesebuah Agenzi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dan kawalan dalam pengurusan kewangan.

9.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

10. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

10.1. Pada tahun 2010, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

10.2. Pembangunan semula *State Integrated Financial, Budgeting & Accounting System* (SIFBAS) adalah bertujuan untuk mengintegrasikan semua modul yang sedia ada dan yang sedang dibangunkan supaya sistem ini berfungsi dengan lebih efisien serta berkesan bagi membolehkan semua proses kerja dilakukan secara atas talian, laporan harian dikeluarkan dan mengurangkan penggunaan kertas.

10.3. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri pada bulan Julai 2010 telah mengadakan satu bengkel kerja utama untuk membincangkan aspek yang perlu dalam pembangunan semula SIFBAS serta mengumpul dan meneliti maklumat agar ianya menepati keperluan pengguna. Sehubungan itu, bengkel kerja bagi setiap modul diadakan untuk mengkaji semula proses kerja supaya ianya lebih mantap dan singkat. Bengkel berkenaan dilaksanakan secara berterusan sehingga tahun 2011. Susulan itu, satu *blue print* bagi pembangunan semula SIFBAS telah dihasilkan dan projek pembangunan semula SIFBAS ini dijadualkan siap pada tahun 2012.

10.4. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri sentiasa berusaha untuk menambah baik modul-modul yang sedia ada supaya iaanya berfungsi dengan lebih efisien dan pantas. Di antara modul yang telah ditambah baik dan dilaksanakan dalam tahun 2010 ialah:

10.4.1. Sistem Bayaran Pukal – membolehkan PTJ membuat permohonan akaun baru, meminda dan membatalkan akaun pukal atas talian dan tidak perlu menggunakan khidmat agensi pukal untuk mengemas kini pangkalan data pukal.

10.4.2 Sistem Terimaan Standard – sistem resit berkomputer ini dilaksanakan di semua pusat pemungut. Sistem ini berupaya menyediakan laporan seperti Buku Tunai Jabatan T.13 dan Slip Simpanan Masuk Bank secara elektronik serta membolehkan data kutipan dikemas kini ke dalam buku vot dan lejar am secara harian.

10.4.3. Modul lain yang telah dibuat penambahaikan dan dilaksanakan termasuk Lesen Perniagaan (TRALIS), Sistem Portal e-Gaji, Terimaan Perbendaharaan Bahagian dan Sistem Terimaan Perbendaharaan Bahagian Kecil.

11. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Manakala bagi Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain daripada 6 aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan penyata kewangan. Bagi setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan taraf penarafan atau *ranking* berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

11.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- 11.1.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 11.1.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit, aset dan stor, pelaburan, pinjaman serta penyata kewangan.
- 11.1.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 11.1.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

11.2. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

11.2.1. Pengauditan telah dijalankan di 13 Jabatan, 10 Badan Berkanun Negeri, 7 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Islam Sarawak. Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 kawalan utama, iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit serta pengurusan aset dan stor. Bagi Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri pula 3 aspek kawalan tambahan diaudit iaitu pengurusan pelaburan, pinjaman dan penyata kewangan turut dinilai.

11.2.2. Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan untuk setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2010 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010 dan

Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2008/2009 bagi menentukan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

11.3. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 31 Jabatan/Agensi Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mengikut jenis kawalan. Bagaimanapun, bagi tujuan penggabungan laporan hanya kriteria utama sahaja yang dibincangkan seperti berikut:

11.3.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan jawatankuasa yang diwujudkan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

11.3.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas seperti kehendak Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 juga perlu dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas hendaklah dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Negeri bagi membangunkan sumber manusia yang berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

11.3.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan seperti kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- c. Pemeriksaan mengejut selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 309 dijalankan secara berkala terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan dibuat.
- d. Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

11.3.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus

Surat Pekeliling (Perj. Bil.6/2010) bertarikh 27.4.2010 telah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju menerima pakai Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 - Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). Sehubungan itu, semua ketua Jabatan/Agensi Negeri dan Residen dikehendaki menujuhan Jawatankuasa tersebut. Arahan tersebut antara lain menetapkan Ketua Pejabat mempengerusikan mesyuarat; ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 4 bulan; berbincang perkara yang ditetapkan; dan Laporan disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada pihak berkuasa lebih tinggi dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Jawatankuasa Audit untuk kelulusan, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi kepada Setiausaha Kerajaan Negeri/Lembaga Pengarah/Mesyuarat Penuh Majlis. Manakala tanggungjawab Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi adalah memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan. Dalam konteks Kerajaan Negeri, Unit Audit Dalam ini bermaksud Unit Audit Dalam yang telah diluluskan penubuhannya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

11.3.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

11.3.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

11.3.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Pejabat dikeluarkan melalui Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2009 (*Sarawak Guidelines On The Preparation And Submission Of Revenue And Expenditure Estimates 2010-2011*). Bagi Agensi Negeri peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet adalah melalui Ordinan tubuh masing-masing, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 (pindaan 2004) dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 serta dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui

Kementerian masing-masing untuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebaliknya bajet bagi Majlis Islam Sarawak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah melalui Lembaga Baitulmal Dan Wakaf untuk kelulusan. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet kepada Pegawai Kewangan Negeri/Lembaga Pengarah.

11.3.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Islam Sarawak, pengagihan peruntukan dibuat mengikut peraturan kewangan masing-masing. Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan juga telah ditetapkan bagi Pihak Berkuasa Tempatan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996 dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 di mana Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat serta pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. Pengagihan waran/peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

11.3.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis selaras dengan kehendak Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, 1957. Seksyen 3(c), Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 (Pindaan 2004) dan peraturan 11, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 membenarkan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan membuat pindah peruntukan dengan kelulusan Menteri berpandukan garis panduan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan atau tahun berikutnya mengikut peraturan kewangan dan Ordinan tubuh masing-masing. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negeri sebelum penutupan Akaun Awam Negeri bagi tahun kewangan berkenaan untuk Jabatan/Pejabat. Manakala bagi Agensi Negeri pindah peruntukan dibuat di peringkat masing-masing. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pejabat perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Nombor 5 Tahun 2007 juga menetapkan pindah peruntukan/viremen adalah tidak dibenarkan

kecuali mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri/Menteri Kewangan terlebih dahulu.

11.3.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Memorandum Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2006 menetapkan bahawa mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Penyediaan Laporan Suku Tahunan Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-9 oleh Jabatan/Pejabat telah dikemukakan kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU) di Jabatan Ketua Menteri sebelum atau pada 15 hari bulan pada bulan berikutnya seperti kehendak Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Sarawak Nombor 23 Tahun 2006 dan Memorandum Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2006. Manakala Agensi Negeri pula telah mematuhi Arahan Nombor 1 Tahun 2004 Majlis Tindakan Negara dan Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2004 mengenai Garis Panduan RMKe-9 yang menjelaskan bahawa Agensi Negeri hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek Persekutuan setiap tahun diisi untuk dikemaskinikan ke dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai. Pegawai Pengawal/Ketua Agensi juga telah memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

11.3.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan Laporan Suku Tahunan Jabatan/Agensi Pelaksana dikemukakan kepada Kementerian masing-masing. Selain itu, Laporan Suku Tahunan Prestasi Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan RMKe-9 bagi peruntukan Negeri dan Persekutuan hendaklah dikemukakan kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri seperti kehendak Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Sarawak Nombor 23 Tahun 2006. Bagi Badan Berkanun Negeri Laporan Anggaran Bajet Tahunan disediakan dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan Menteri yang bertanggungjawab. Pihak Berkuasa Tempatan pula mengemukakan Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan, Laporan Prestasi Perbelanjaan pada setiap bulan dan mana-mana laporan apabila diminta oleh Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

11.3.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan pengurusan Akaun Belum Terima seperti berikut:

11.3.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

11.3.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

11.3.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak dimasukkan ke bank.

11.3.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi. Semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri bagi Jabatan/Agensi Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan/Penyata Penyesuaian Bank dan ketepatan Buku Tunai bagi Jabatan/Agensi Negeri.

11.3.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan juga Arahan Perbendaharaan 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak. Peraturan 81, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pula menjelaskan bahawa Penyata Akaun Belum Terima/Tunggakan Hasil perlu disediakan pada 31 Disember setiap tahun.

11.3.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

11.3.4.1. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

11.3.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

11.3.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

11.3.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit seperti berikut:

11.3.5.1. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara Pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001 dan Arahan Akaun Amanah yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

11.3.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman mengikut Peraturan 103, Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Tahun 1996 serta

Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti syarat pinjaman kenderaan, peti sejuk, komputer, mesin basuh dan kelengkapan dapur telah ditetapkan di bawah Peraturan 133 dan 134, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan juga di Jadual 12, Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Tahun 1996.

11.3.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan betul Akaun Deposit di bawah jagaannya serta AP 162 menjelaskan bahawa deposit yang tidak diperlukan lagi dan tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit. Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mewartakan deposit berkenaan dan sekiranya masih tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas pemberitahuan itu, deposit tersebut hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

11.3.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Aset dan stor yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Pada November 2008, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2008 kepada Kementerian/Jabatan/Pejabat Kerajaan untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara berikut:

11.3.6.1. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan

- a. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) hendaklah diwujudkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Ibu Pejabat. Keanggotaan JKPAK adalah seperti berikut:

Pengerusi: Sekurang-kurangnya Gred 48 ke atas:

Ketua Penolong Setiausaha
(Peringkat Kementerian)

Timbalan Pengarah
(Peringkat Jabatan/Ibu Pejabat)

Timbalan Residen
(Peringkat Pejabat Residen Dan Daerah)

Setiausaha: Pegawai Aset di peringkat Kementerian/Jabatan/Ibu Pejabat

Ahli: Semua Ketua Pejabat Bahagian/Pejabat Daerah;
Semua Ketua Bahagian /Unit di Kementerian/Jabatan/Ibu Pejabat; dan
Pegawai-pegawai lain yang sesuai.

- b. Agenda mesyuarat JKPAK adalah seperti merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset, kedudukan Semasa Aset Alih, Laporan Hasil Pemeriksaan Aset Alih, Laporan Tindakan Pelupusan, Laporan Tindakan Surcaj/Tata tertib dan masalah berkaitan dengan pengurusan aset alih. Mesyuarat JKPAK hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam 6 bulan dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak melalui Pegawai Pengawal.

11.3.6.2. Penerimaan

Seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

11.3.6.3. Pendaftaran

Aset perlu didaftarkan sebaik sahaja pengesahan telah dibuat oleh Pegawai Penerima. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan diberi nombor siri pendaftaran.

11.3.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi seperti berikut:

- a. Aset digunakan hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun manakala verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Setiausaha Kewangan Negeri.

- c. Surat Pekeliling No. Bil. 28 Tahun 2006 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan. Pegawai yang dilantik hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada pegawai dalam Kategori VIII atau Sistem Saraan Malaysia Gred N22.
- d. Surat Pekeliling No. Bil. 4/2003 pula menetapkan penggunaan kenderaan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri dikawal dengan teratur di mana kos penyenggaraan kereta dan pembelian minyak sebulan tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Surat Pekeliling No. Bil. 28 Tahun 2006, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

11.3.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi.
- b. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

11.3.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan disahkan dengan menurunkan tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu

disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.

- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

11.3.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Ketua Agenzi dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Jabatan/Ketua Agenzi menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat daripada 5 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

11.3.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agenzi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

11.3.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod

pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

11.3.9. Penyata Kewangan

Seksyen 4, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 dan Pekeliling Prosedur Kewangan Dan Perakaunan Bil. 2 Tahun 1995 yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak menghendaki Badan-badan Berkanun Negeri mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Mengikut Peraturan 37, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Peraturan kewangan ini membolehkan penyata kewangan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pembentangan awal juga membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

11.4.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan


Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 31 Jabatan/Agensi Negeri berbanding 39 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2009. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2010 adalah baik. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 11.2** manakala pencapaian mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2010 adalah seperti di **Carta 11.1**.

Jadual 11.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2010

Tahap Penarafan	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri			
	2007	2008	2009	2010
Sangat Baik	0	0	4	4
Baik	11	20	24	22
Memuaskan	7	2	11	5
Tidak Memuaskan	0	1	0	0
Jumlah	18	23	39	31

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 11.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri
Pada Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara


11.4.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

11.4.2.1. Jabatan

Semakan Audit di 12 Jabatan mendapati satu Jabatan mencatatkan tahap sangat baik, 3 Jabatan memperoleh tahap baik, 4 Jabatan pada tahap memuaskan dan 4 Jabatan adalah pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Kawalan Bajet pula sebanyak 10 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 2 Jabatan pada tahap baik. Bagi Kawalan Terimaan sebanyak 4 Jabatan memperoleh tahap sangat baik, 3 Jabatan pada tahap baik dan satu Jabatan adalah pada tahap memuaskan. Enam Jabatan mencapai tahap sangat baik dan 6 Jabatan mencapai tahap baik dalam Kawalan Perbelanjaan. Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit pula 3 Jabatan berada pada tahap sangat baik, 3 Jabatan pada tahap baik, 3 Jabatan adalah pada tahap memuaskan dan 3 Jabatan pada tahap tidak memuaskan. Bagaimanapun, bagi Pengurusan Aset Dan

Stor, daripada 12 Jabatan hanya 2 Jabatan berada pada tahap baik, 3 Jabatan pada tahap memuaskan manakala 7 Jabatan adalah pada tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan utama bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 11.2**.

Carta 11.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Terhadap Kawalan Utama
Bagi Jabatan Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 4 Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Elemen Terimaan


11.4.2.2. Jabatan Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri

Tahap pencapaian pengurusan kewangan terhadap Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 18 Agensi Negeri mendapat Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 6 Agensi mencapai tahap sangat baik, 5 Agensi pada tahap baik, 6 Agensi pada tahap memuaskan dan satu Agensi adalah tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Kawalan Bajet Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 11 Agensi mencapai tahap sangat baik, 6 Agensi mencapai tahap baik dan satu Agensi adalah pada tahap memuaskan. Kawalan Terimaan pula, Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 8 Agensi berada pada tahap sangat baik, 9 Agensi mencapai tahap baik dan satu Agensi adalah tidak memuaskan. Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi mencapai tahap sangat baik, 11 Agensi mencapai tahap baik dan 3 Agensi adalah memuaskan dalam Kawalan Perbelanjaan. Bagi Pengurusan Akaun Amanah 4 Agensi mencapai tahap sangat baik, Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 5 Agensi mencapai tahap baik, 6 Agensi pada tahap memuaskan dan 3 Agensi adalah tidak memuaskan. Jabatan Perbendaharaan Negeri mencapai tahap sangat baik, 5 Agensi mencapai tahap baik, 8 Agensi mencapai tahap memuaskan dan 4 Agensi adalah tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor. Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 8 Agensi mencapai tahap sangat baik, 8 Agensi mencapai tahap baik dan satu adalah memuaskan dalam Pengurusan Pelaburan. Selain itu, satu Agensi mencapai tahap sangat baik, Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 6 Agensi mencapai tahap baik, satu Agensi adalah pada tahap memuaskan dan satu

Agensi adalah tidak memuaskan dalam Pengurusan Pinjaman. Jabatan Perbendaharaan Negeri dan 16 Agensi mencapai tahap sangat baik dan 2 Agensi mencapai tahap baik dalam Pengesahan Penyata Kewangan. Maklumat lanjut seperti di **Carta 11.3**.

Carta 11.3

Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Terhadap Kawalan Utama Bagi Jabatan Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 1 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Aset Dan Stor


1 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pelaburan

9 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pinjaman

11.4.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

11.4.3.1. Tiga Jabatan/Agensi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun adalah Jabatan Perbendaharaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Majlis Islam Sarawak. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga Jabatan/Agensi Negeri telah menunjukkan Pengurusan Kewangan pada tahap sangat baik. Pencapaian Jabatan Perbendaharaan Negeri meningkat kepada 91.33% berbanding 90.87% pada tahun 2009. Pencapaian Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak pula meningkat kepada 90.76% berbanding 90.63% pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan Perbadanan telah menambah baik Pengurusan Aset dan Stor. Pencapaian Majlis Islam Sarawak menurun kepada 90.16% berbanding 90.85% pada tahun 2009. Penurunan ini adalah disebabkan kelemahan dalam Kawalan Pengurusan Aset dan Stor. Perbandingan tahap pencapaian pengurusan kewangan ketiga-tiga Jabatan/Agensi Negeri tersebut adalah seperti di **Carta 11.4**.


Carta 11.4
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak,
 Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak Dan Majlis Islam Sarawak
 Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.3.2. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dilaksanakan pengauditan AI untuk pusingan kedua menunjukkan peningkatan di antara 2.9% ke 25.8% pada tahun 2010 berbanding dengan pencapaian pada tahun 2007/2008. Ini menunjukkan PBT telah mengambil langkah positif untuk meningkatkan tahap pengurusan kewangan selepas pusingan pertama pengauditan AI dilaksanakan. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti di **Carta 11.5**.

Carta 11.5
Perbandingan Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan PBT Selepas Pusingan Kedua



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pencapaian pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara berikut:

11.5.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit/Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus membincangkan secara terperinci isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat dibetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

11.5.2. Untuk amalan terbaik Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan berpandukan “Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan” yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.

11.5.3. Pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah sekali dalam tempoh pusingan 3 tahun. Justeru itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan naziran dalaman berkala dijalankan untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan.

11.5.4. Penglibatan secara *hands-on* dan penyeliaan rapi di peringkat Pegawai Penyelia hingga ke peringkat Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu ditingkatkan.

11.5.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

12. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

12.1. PENDAHULUAN

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 60 Kementerian/ Jabatan/Agensi seperti di **Jadual 12.1**.

Jadual 12.1
Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi Yang Diaudit

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi Di Peringkat Bahagian/Daerah	Jumlah
1.	Pejabat Daerah Dan Pejabat Daerah Kecil	11
2.	Perbendaharaan Negeri	10
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	8
4.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	8
5.	Jabatan Tanah Dan Survei	6
6.	Badan-Badan Berkunun Negeri	5
7.	Tabung Am Baitulmal	4
8.	Jabatan Pertanian	3
9.	Jabatan Agama Islam	3
10.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	2
Jumlah		60

Sumber: Jabatan Audit Negara

12.2. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya terdapat beberapa kelemahan/ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Pemerhatian Audit Terhadap Pemeriksaan Mengejut Tahun 2010

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Agenzi Yang Terlibat
1.	Peti Besi tidak digunakan.	a. Pejabat Daerah Bau b. Pejabat Tanah Dan Survei Sri Aman
2.	Daftar Pemegang Kunci dan kata laluan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk rujukan dan pemantauan.	a. Pejabat Pertanian Bau
3.	Anak kunci serta kunci kombinasi peti besi hanya dipegang oleh seorang pegawai sahaja.	a. Pejabat Tanah Dan Survei Betong
4.	Tugas dan tanggungjawab menjaga kunci peti besi dan bilik kebal tidak dinyatakan secara bertulis dengan jelas.	a. Pejabat Tanah Dan Survei Miri b. Pejabat Tanah Dan Survei Limbang c. Jabatan Kebajikan Masyarakat Limbang
5.	Tiada penurunan kuasa secara bertulis untuk pemungut hasil.	a. Pejabat Daerah Sri Aman b. Pejabat Pertanian Bau
6.	Akaun Panjar Wang Runcit tidak pernah digunakan semenjak tahun 2002.	a. Pejabat Daerah Sri Aman b. Jabatan Kebajikan Masyarakat Marudi
7.	Pemeriksaan Mengejut yang dijalankan tidak direkod.	a. Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Miri
8.	Tiada penyerahan tugas secara bertulis dan jelas.	a. Jabatan Kebajikan Masyarakat Limbang
9.	Buku Resit tidak disemak setiap minggu.	a. Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Miri b. Pejabat Daerah Kecil Beluru, Bakong c. Pejabat Pertanian Bau d. Pejabat Tanah Dan Survei Sri Aman
10.	Pindaan tarikh pada resit rasmi.	a. Pejabat Daerah Maradong
11.	Resit lewat dikeluarkan antara 7 hingga 48 hari.	a. Majlis Bandaraya Miri b. Majlis Daerah Betong

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Agenzi Yang Terlibat
12.	Daftar Pembatalan Resit tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini untuk rujukan serta pemantauan.	a. Pejabat Pertanian Bau
13.	Buku Tunai tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini.	a. Pejabat Daerah Bau b. Majlis Daerah Lundu
14.	Buku Tunai tidak disemak oleh Pegawai Penyelia.	a. Pejabat Daerah Betong b. Jabatan Agama Islam Sri Aman
15.	Pegawai yang sama merekod pungutan ke dalam Buku Tunai dan menerima pungutan.	a. Pejabat Daerah Sri Aman
16.	Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini.	a. Majlis Daerah Marudi b. Majlis Daerah Betong c. Majlis Perbandaran Miri d. Jabatan Tanah Dan Survei Miri e. Jabatan Tanah Dan Survei Limbang f. Pejabat Tanah Dan Survei Sri Aman g. Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Kapit h. Pejabat Baitulmal Sarikei
17.	Daftar Cek Tak Laku tidak diselenggarakan.	a. Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Kapit
18.	Daftar Rekod Pengagihan cek kepada penerima tidak dikemas kini kerana tiada catatan terkini dicatat pada status pergerakan cek.	a. Pejabat Tanah Dan Survei Sri Aman
19.	22 cek bersama baucar bayaran berjumlah RM13,587.03 bagi tahun 2008 hingga 2009 belum dituntut dan masih disimpan oleh pihak jabatan.	a. Pejabat Tanah Dan Survei Sri Aman
20.	Cek berjumlah RM1,167 yang ditunaikan pada 10 November 2010 belum lagi diremitkan ke Pejabat Perpendaharaan Sri Aman.	a. Pejabat Perpendaharaan Kecil Engkilili
21.	Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan rekod setem tidak disemak.	a. Majlis Daerah Lundu b. Pejabat Daerah Bau c. Majlis Daerah Betong d. Majlis Daerah Lubok Antu e. Pejabat Perpendaharaan Kecil Belawai f. Jabatan Kebajikan Masyarakat Betong g. Jabatan Kebajikan Masyarakat Miri h. Pejabat Pertanian Daerah Bau
22.	Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan.	a. Pejabat Tanah Dan Survei Bahagian Betong b. Pejabat Pertanian Daerah Bau
23.	Daftar Borang Hasil tidak disemak dan diselenggarakan dengan kemas kini.	a. Pejabat Perpendaharaan Kecil Engkilili b. Pejabat Tanah Dan Survei Betong
24.	Contoh tandatangan pegawai tidak dikemukakan kepada Perpendaharaan.	a. Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Miri
25.	Wang kutipan RM619 di kaunter bayaran diserahkan untuk pengesahan adalah lebih RM31 berbanding resit yang dikeluarkan.	a. Pejabat Daerah Sibu
26.	Kelewatan memasukkan wang kutipan yang berjumlah RM100 iaitu antara satu hingga 6 hari.	a. Majlis Daerah Lubok Antu
27.	Wang kutipan lewat dibankkan selama 8 hari.	a. Pejabat Daerah Kecil Beluru, Bakong

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Agenzi Yang Terlibat
28.	Wang untuk dibahagi-bahagikan berjumlah RM9,330 yang diterima daripada 43 kontraktor bagi pengambilan borang sebutharga/tender pada tahun 2009 masih disimpan di Peti Besi Pejabat. Setakat tarikh pemeriksaan Audit masih belum ada sebarang tindakan sewajarnya dilakukan oleh pejabat ini. Perkara ini telah dilaporkan dan dalam siasatan SPRM.	a. Pejabat Daerah Sri Aman
29.	88 bil kredit untuk mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan atau jualan seperti bayaran survei dan jualan peta kepada Jabatan dan Agensi yang menggunakan Pesanan Kerajaan berjumlah RM66,014 belum dijelaskan bagi tempoh tahun 1980 hingga 2009. Surat peringatan ada dihantar kepada 2 Jabatan iaitu Pejabat Residen dan Daerah Sri Aman untuk menuntut Bil Kredit pada tahun 1984 hingga 1998 tetapi tiada maklum balas yang diterima.	a. Pejabat Tanah Dan Survei Sri Aman
30.	Daftar Pembayaran tidak diselenggarakan dan tidak disemak.	a. Majlis Daerah Betong b. Jabatan Kebajikan Masyarakat Miri c. Majlis Daerah Lubok Antu d. Pejabat Baitulmal Bintulu e. Pejabat Daerah Sri Aman f. Pejabat Daerah Bau
31.	Pendahuluan diri berjumlah RM173,232 belum dijelaskan oleh 6 pegawai.	a. Lembaga Kemajuan Bintulu
32.	Deposit Mahkamah Bumiputera dan Deposit Estet bagi tahun 1988 hingga 2005 masih belum dituntut oleh pendeposit.	a. Pejabat Daerah Maradong
33.	Deposit belum dikembalikan kepada pendeposit.	a. Pejabat Daerah Bau b. Pejabat Tanah Dan Survei Sri Aman
34.	Daftar Deposit T.18 tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini.	a. Pejabat Daerah Dalat b. Majlis Daerah Betong c. Majlis Daerah Lundu
35.	Daftar Deposit T.18 tidak disemak	a. Majlis Daerah Betong
36.	Laporan Senarai Deposit Tertunggak tidak dikemukakan kepada Akauntan Negeri.	a. Pejabat Daerah Sibu
37.	Daftar Harta Modal dan Inventori tidak lengkap dan tidak dikemas kini.	a. Jabatan Kebajikan Masyarakat Limbang
38.	Daftar Simpanan Tetap tidak dikemaskini.	a. Majlis Perbandaran Sibu

Sumber: Jabatan Audit Negara



BAHAGIAN V PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

13. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Islam Sarawak (MIS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kumpulan Wang. Pengauditan ini adalah untuk mengesahkan dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

13.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

13.1.1. Untuk Negeri Sarawak, Ketua Audit Negara mengaudit 23 BBN, 25 PBT dan MIS. Pada tahun 2011, pengauditan terhadap 4 BBN dan MIS telah dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala pengauditan terhadap 20 BBN dan 25 PBT telah dijalankan oleh Firma Audit Swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan Firma Audit Swasta ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7 (3) Akta Audit, 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

13.1.2. Pengauditan yang dijalankan oleh Firma Audit Swasta diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Pemantauan dibuat semasa pengauditan interim dan muktamad dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta. Kertas kerja pengauditan yang disediakan oleh Firma Audit Swasta juga telah disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Bagi meningkatkan mutu pengauditan dan membantu pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan BBN, PBT dan MIS yang dikemas kini dan berkuat kuasa penggunaannya pada 14 Mac 2011. Prosedur Kualiti dan Garis Panduan ini telah menetapkan panduan berkenaan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, Pengauditan Interim, Pengauditan Muktamad, Penyediaan Surat Pengurusan, Pengurusan Firma Audit Swasta sehingga Penyediaan Sijil Audit dan Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, *initial conference* dan *exit conference* diadakan antara Firma Audit Swasta, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara untuk membincangkan pelaksanaan Audit dan menyelesaikan masalah yang berbangkit hasil daripada pengauditan yang dijalankan secara berterusan. Secara keseluruhannya, penggunaan Prosedur Kualiti, Garis Panduan dan perbincangan berterusan itu telah meningkatkan prestasi kerja pengauditan dan mutu persembahan penyata kewangan bertambah baik serta jaringan kerjasama yang kukuh antara Firma Audit Swasta, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara. Justeru, penyerahan dan pengesahan penyata kewangan pada keseluruhannya dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

13.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

13.2.1. Seksyen 4, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 dan Pekeliling Prosedur Kewangan Dan Perakaunan Bil. 2 Tahun 1995 yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak menghendaki BBN mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Manakala mengikut Peraturan 37, *The Local Authorities Financial Regulations*, 1997 menetapkan PBT menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Seksyen 72, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 pula menghendaki penyata kewangan disediakan setiap tahun dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diperakui.

13.2.2. Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan penyata kewangan tahun 2010 bagi 23 BBN, 25 PBT dan MIS adalah lebih baik berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, adalah didapati 7 BBN dan satu PBT lewat mengemukakan penyata kewangan daripada tarikh yang ditetapkan oleh undang-undang. Antara sebab BBN lewat mengemukakan penyata kewangan mereka ialah syarikat subsidiari dan bersekutunya lewat menyerahkan penyata kewangan bagi tujuan penyatuan akaun dan juga kelewatan pengesahan penyata oleh Pengerusi serta ahli Lembaga. Satu PBT telah mengemukakan permohonan lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam selaras dengan Peraturan 38, *The Local Authorities Financial Regulations*, 1997. Sehingga 30 April 2011, 3 BBN telah memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selaras dengan Seksyen 5(1) Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995.

13.2.3. Semua BBN, PBT dan MIS telah menyerah penyata kewangan tahun 2009 untuk diaudit dan disahkan sebelum 31 Oktober 2010. Butiran lanjut kedudukan penyerahan, pengauditan dan pengesahan penyata kewangan tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1
**Kedudukan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan
 Dan Majlis Islam Sarawak Yang Disahkan Sehingga 30 Jun 2011**

Bil.	Agensi	Penyata Kewangan		
		2009	2010	
		Telah Disahkan	Sedang Diaudit	Telah Disahkan
BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI				
1.	Pustaka Negeri Sarawak (SSL)	04.05.2010	-	06.05.2011
2.	Lembaga Pelabuhan Kuching (KPA)	12.05.2010	-	24.05.2011
3.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC)	27.05.2010	-	15.06.2011
4.	Lembaga Pelabuhan Miri (MPA)	15.06.2010	✓	-
5.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB)	16.06.2010	✓	-
6.	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC)	23.06.2010	✓	-
7.	Lembaga Pelabuhan Rajang (RPA)	24.06.2010	-	24.05.2011
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB)	24.06.2010	-	23.06.2011
9.	Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC)	30.06.2010	✓	-
10.	Yayasan Sarawak (YS)	30.06.2010	✓	-
11.	Lembaga Air Kuching (KWB)	01.07.2010	✓	-
12.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak (SSC)	16.07.2010	-	21.06.2011
13.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan & Limbungan Brooke (BDEWC)	26.07.2010	✓	-
14.	Lembaga Air Sibu (SWB)	29.07.2010	-	25.05.2011
15.	Lembaga Pelancongan Sarawak (STB)	30.07.2010	✓	-
16.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC)	30.07.2010	✓	-
17.	Tabung Am, Majlis Islam Sarawak (MIS)	06.08.2010	✓	-
18.	Yayasan Biasiswa Tunku Abdul Rahman Sarawak (YBSTAR)	13.08.2010	✓	-
19.	Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS)	23.08.2010	-	17.06.2011
20.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)	30.09.2010	✓	-
21.	Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)	30.09.2010	*	-
22.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (LCDA)	08.10.2010	✓	-
23.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)	26.10.2010	✓	-
24.	<i>Regional Corridors Development Authorities (RECODA)</i>	✓	*	-
PIHAK BERKUASA TEMPATAN				
1.	Majlis Daerah Subis	24.03.2010	-	09.05.2011
2.	Majlis Daerah Serian	29.04.2010	-	28.03.2011
3.	Majlis Daerah Limbang	03.05.2010	-	14.04.2011
4.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	07.05.2010	-	03.05.2011
5.	Majlis Daerah Sarikei	13.05.2010	-	16.06.2011
6.	Majlis Daerah Kanowit	13.05.2010	-	03.05.2011
7.	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	13.05.2010	-	03.05.2011
8.	Majlis Perbandaran Padawan	21.05.2010	✓	-
9.	Majlis Perbandaran Sibu	21.05.2010	-	16.06.2011
10.	Majlis Daerah Marudi	25.05.2010	-	09.05.2011
11.	Majlis Daerah Saratok	26.05.2010	✓	-
12.	Majlis Daerah Sri Aman	11.06.2010	-	17.06.2011
13.	Majlis Daerah Bau	14.06.2010	-	17.06.2011
14.	Majlis Bandaraya Miri	15.06.2010	✓	-
15.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	17.06.2010	✓	-
16.	Majlis Daerah Simunjan	17.06.2010	✓	-
17.	Majlis Daerah Betong	22.06.2010	✓	-
18.	Majlis Daerah Kapit	29.06.2010	-	03.05.2011
19.	Majlis Daerah Lubuk Antu	01.07.2010	-	18.05.2011
20.	Majlis Daerah Lawas	05.07.2010	-	09.05.2011
21.	Majlis Daerah Lundu	07.07.2010	-	23.06.2011
22.	Majlis Daerah Samarahan	12.07.2010	-	23.06.2011
23.	Majlis Daerah Matu Dan Daro	12.07.2010	✓	-
24.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	19.07.2010	-	14.06.2011
25.	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	16.08.2010	✓	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: ✓ Sedang Diaudit, * Penyata Kewangan Belum Diterima

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri hendaklah mengambil tindakan tegas untuk memastikan syarikat subsidiari mengemukakan penyata kewangan mereka lebih awal untuk membolehkan penyataan penyata kewangan dikemukakan untuk pengauditan sebelum 30 April tahun berikutnya. Bagi PBT, kerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam hendaklah mengenalpasti dan menyelesaikan dengan segera perkara yang boleh menyebabkan penyata kewangan PBT lewat diserahkan.

13.3. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

13.3.1. Seksyen 8, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 menetapkan penyata kewangan BBN yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan seberapa segera. Seksyen 58, *The Local Authorities Ordinance, 1996* pula menyatakan semua penyata kewangan PBT yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan dibentangkan di DUN.

13.3.2. Setakat 20 Jun 2011, semua penyata kewangan tahun 2008 telah dibentang di DUN kecuali penyata kewangan Perbadanan Pembangunan Perumahan. Bagi tahun kewangan 2009, sebanyak 5 penyata kewangan BBN dan 7 penyata kewangan PBT yang telah diberi Sijil Ketua Audit Negara belum dibentang di DUN. Bagaimanapun, 2 daripada 5 penyata kewangan BBN tahun 2009 telah dibentang di MMKN pada 9 Disember 2010. Penyata Kewangan Agensi Negeri yang belum dibentangkan setakat 20 Jun 2011 adalah seperti di **Jadual 13.2.**

**Jadual 13.2
Penyata Kewangan Agensi Negeri Yang Belum Dibentangkan Setakat 20 Jun 2011**

Bil.	Agensi	Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Disahkan
Badan Berkanun Negeri			
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan *	2008	07.07.2009
2.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar	2009	16.06.2010
3.	Perbadanan Pembangunan Perumahan *	2009	23.06.2010
4.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak *	2009	16.07.2010
5.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	2009	13.08.2010
6.	Lembaga Kemajuan Bintulu *	2009	30.09.2010
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	2009	13.05.2010
2.	Majlis Perbandaran Sibu	2009	21.05.2010
3.	Majlis Daerah Simunjan	2009	17.06.2010
4.	Majlis Daerah Betong	2009	22.06.2010
5.	Majlis Daerah Lawas	2009	05.07.2010
6.	Majlis Daerah Samarahan	2009	12.07.2010
7.	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	2009	16.08.2010

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * Belum Bentang Di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian dan Agensi berkaitan perlu mengambil tindakan segera untuk membentangkan penyata kewangan yang telah diberi Sijil Ketua Audit Negara di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Dewan Undangan Negeri.

13.4. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan BBN, PBT dan MIS yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan operasi dilaporkan seperti berikut:

13.4.1. Prestasi Kewangan BBN

13.4.1.1. Analisis prestasi kewangan BBN adalah berdasarkan 22 penyata kewangan BBN bagi tahun kewangan 2008 dan 2009. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2009 bagi BBN adalah memuaskan berbanding tahun 2008. Pada akhir tahun 2009, lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM16.22 juta atau 0.9%, lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM169.42 juta atau 3.6% dan lebihan pendapatan tahun semasa juga meningkat sejumlah RM0.09 juta atau 0.1%, berbanding tahun 2008. Bagi tahun 2008 hingga 2009, Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) menyumbang kepada peningkatan lebihan pendapatan terkumpul berjumlah RM12.78 juta (17.4%) dan LAK sejumlah RM10.85 juta (8.9%). Bagaimanapun, aset bersih semasa telah menurun sejumlah RM194.74 juta atau (10.8%) berbanding tahun 2008. Prestasi kewangan BBN bagi tahun 2008 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2008 dan 2009

Bil.	Perkara	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Terkumpul	1,860.20	1,876.43	16.22	0.9
2.	Lebihan/(Kurangan) Jumlah Aset	4,657.27	4,826.69	169.42	3.6
3.	Aset Bersih Semasa/(Kurangan)	1,800.28	1,605.54	(194.74)	(10.8)
4.	Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Semasa	68.08	68.17	0.09	0.1

Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.1.2. Pada akhir tahun 2009, Yayasan Sarawak memperoleh lebihan pendapatan terkumpul tertinggi sejumlah RM577.71 juta dan juga lebihan pendapatan semasa tertinggi yang berjumlah RM25.28 juta. Empat BBN mengalami kurangan pendapatan terkumpul iaitu Lembaga Pelabuhan Miri (RM107.85 juta), Lembaga Pelabuhan Rajang (RM14.44 juta), Lembaga Kemajuan Bintulu (RM6.75 juta), dan Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke (RM4.45 juta). Tiada BBN mengalami kurangan dalam jumlah aset. Bagaimanapun, 3 BBN mengalami kurangan dalam aset semasa iaitu Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (RM54.72 juta), Lembaga Pelabuhan Kuching (RM16.06 juta) dan Lembaga Pelabuhan Miri (RM8.03 juta). Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Pada 31.12.2009			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2009		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan Semasa (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih/ (Kurangan) (RM Juta)
1.	Yayasan Sarawak	50.30	25.02	25.28	171.30	3.03	168.27
2.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	90.60	77.83	12.77	165.76	220.48	(54.72)
3.	Lembaga Air Kuching	96.32	85.47	10.85	142.97	39.6	103.37
4.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbongan Brooke	128.01	117.44	10.57	105.70	92.11	13.59
5.	Lembaga Pelabuhan Rajang	33.43	26.55	6.88	17.40	5.03	12.37
6.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak	11.01	6.10	4.91	35.33	0.55	34.78
7.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	29.54	24.91	4.63	227.96	38.48	189.48
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	6.03	2.36	3.67	26.13	2.22	23.91
9.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	26.27	23.57	2.70	9.97	2.51	7.46
10.	Lembaga Pelancongan Sarawak	7.72	6.00	1.72	2.51	0.42	2.09
11.	Lembaga Pelabuhan Kuching	64.41	63.42	0.99	15.22	31.28	(16.06)
12.	Perbadanan Perhutanan Sarawak	50.00	49.01	0.99	1.39	0	1.39
13.	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar	10.57	9.95	0.62	14.73	1.74	12.99
14.	Pustaka Negeri Sarawak	14.30	13.76	0.54	12.21	3.24	8.97
15.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	3.40	2.89	0.51	436.36	123.45	312.91
16.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	7.37	7.01	0.36	2.69	0.19	2.50
17.	Lembaga Kemajuan Bintulu	54.31	55.04	(0.73)	281.30	121.90	159.40
18.	Lembaga Air Sibu	26.95	28.37	(1.42)	19.99	17.76	2.23
19.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	84.84	87.05	(2.21)	596.41	165.03	431.38
20.	Yayasan Biasiswa Tunku Abdul Rahman	3.10	5.46	(2.36)	4.37	0	4.37
21.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	40.88	44.57	(3.69)	267.76	74.87	192.89
22.	Lembaga Pelabuhan Miri	15.45	24.86	(9.41)	52.00	60.03	(8.03)
Jumlah		854.81	786.64	68.17	2,609.46	1,003.92	1,605.54

Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.2. Analisis Pendapatan

13.4.2.1. Pada akhir tahun 2009, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh 22 BBN ialah sejumlah RM667.05 juta berbanding dengan RM874.97 juta pada tahun 2008. Jumlah pendapatan janaan sendiri ini merosot jika dibandingkan dengan pendapatan sejumlah RM1,145.54 juta pada tahun 2007. Analisis Audit mendapati kemerosotan pendapatan janaan sendiri yang ketara bagi tahun 2008 hingga 2009 terdiri daripada Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke (penurunan:RM117.06 juta), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (penurunan:RM31.75 juta), Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (penurunan:RM27.60 juta) dan Perbadanan

Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (penurunan:RM24.60 juta). Selain daripada pendapatan janaan sendiri, BBN juga menerima geran daripada Kerajaan sejumlah RM372.51 juta pada tahun 2009 berbanding RM251.64 juta pada tahun 2008 dan RM202.58 juta pada tahun 2007. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN dan juga menguruskan projek pembangunan. Analisis Audit juga mendapati MIS memperoleh peningkatan pendapatan sejumlah RM50.48 juta pada tahun 2009 berbanding RM48.48 juta pada tahun 2008. Antara komponen hasil yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan MIS ialah zakat, sumbangan, sewa bangunan dan dividen. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 13.1**.

Carta 13.1
Pendapatan Janaan Sendiri Dan Geran Badan Berkanun Negeri Sarawak
Bagi Tahun 2007- 2009



Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.2.2. Empat BBN telah menerima peningkatan jumlah geran yang ketara bagi tahun 2008 hingga 2009. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak memperolehi peningkatan geran sejumlah RM12.04 juta atau 406.8%, disebabkan oleh tambahan geran diterima untuk membina bangunan ibu pejabat SALCRA, pembinaan jalan ladang, jambatan serta lain-lain infrastruktur asas ladang di Sri Aman, Serian dan Bau/Lundu. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak memperoleh tambahan geran sejumlah RM 26.65 juta atau 271.9% untuk menyenggara Lapangan Terbang Tanjung Manis, naik taraf Lapangan Terbang Mukah, Halal Hub Serdeng dan projek *Palm Oil Industrial Cluster*. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak menerima peningkatan geran sejumlah RM26.88 juta atau 208.2% untuk projek desa, program usahawan Bumiputera, program kanak-kanak serta keluarga, *Kuching Waterfront*, Kampung Budaya, kemudahan pelancongan di Damai dan pembinaan kompleks perniagaan. Lembaga Kemajuan Bintulu menerima tambahan geran sejumlah RM43.69 juta atau 168% kerana melaksanakan projek SCORE (Samalaju Park), pembetungan najis, naik taraf kemudahan infrastruktur, program pembasmian kemiskinan dan *Palm Oil Industrial Cluster*, tadika

KEMAS dan penyenggaraan jalan raya. Jumlah peningkatan geran yang ketara adalah seperti di **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5

Jumlah Geran Badan Berkanun Negeri Sarawak Pada Tahun 2008 dan 2009

Bil.	Agensi	2008	2009	Peningkatan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	2.96	15.00	12.04	406.8
2.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	9.80	36.45	26.65	271.9
3.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	12.91	39.79	26.88	208.2
4.	Lembaga Kemajuan Bintulu	26.00	69.69	43.69	168

Sumber: *Penyata Kewangan dan rekod BBN*

13.4.3. Jumlah Lebihan/(Kurangan) Pendapatan

Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Negeri memperoleh lebihan pendapatan (keuntungan) sejumlah RM68.17 juta pada tahun 2009, iaitu peningkatan sejumlah RM91,883 atau 0.1% berbanding RM68.08 juta pada tahun 2008. Antara BBN yang menyumbang kepada peningkatan terhadap lebihan pendapatan bagi tahun 2008 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.6**.

Jadual 13.6

**Peningkatan Terhadap Lebihan Pendapatan Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun 2008 Hingga 2009**


Bil.	Agensi	2008	2009	Peningkatan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Yayasan Sarawak	9.76	25.28	15.52	159
2.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	11.69	12.78	1.09	9.3
3.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan & Limbongan Brooke	9.23	10.57	1.34	14.5
4.	Lembaga Pelabuhan Rajang	5.04	6.88	1.84	36.5
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	0.10	3.67	3.57	3,570

Sumber: *Penyata Kewangan BBN*

13.4.4. Analisis Aset


Pada akhir tahun 2009, sebanyak 22 BBN memperoleh aset sejumlah RM7.71 bilion berbanding RM7.55 bilion pada tahun 2008 iaitu peningkatan sejumlah RM166.64 juta atau 2.2%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset bersih semasa pada akhir tahun 2009 ialah RM1.61 bilion berbanding RM1.80 bilion pada tahun 2008. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset bersih semasa telah menurun daripada RM1.80 bilion pada tahun 2008 kepada RM1.61 bilion pada tahun 2009 iaitu penurunan sejumlah RM194.74 juta atau (10.8%). Penurunan yang ketara berlaku di Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak iaitu penurunan sejumlah RM69.06 juta kerana simpanan tetap telah dikeluarkan pada tahun 2009. Penurunan yang juga berlaku di Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak iaitu penurunan sejumlah RM60.47 juta kerana pengeluaran tunai serta simpanan tetap dan peningkatan hutang kepada subsidiari, syarikat bersekutu serta penghutang lain pada tahun 2009. Bagi peningkatan dalam aset bersih semasa, BDA memperoleh peningkatan tertinggi sejumlah RM25.91 juta. Peningkatan dan penurunan dalam aset bersih semasa bagi tahun 2008 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 13.2** dan **Carta 13.3**.

Carta 13.2
Peningkatan Dalam Aset Bersih Semasa
Bagi Tahun 2008 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan BBN

Carta 13.3
Penurunan Dalam Aset Bersih Semasa
Bagi Tahun 2008 Hingga 2009




Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.5. Analisis Pelaburan

13.4.5.1. Pada akhir tahun 2009, jumlah pelaburan bagi 22 BBN ialah RM1.51 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, hartaanah dan syarikat lain. Jenis pelaburan adalah seperti di **Carta 13.4**. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan pada tahun 2008 telah menurun daripada RM1.62 bilion kepada RM1.51 bilion pada tahun 2009. Penurunan yang ketara sejumlah RM151.05 juta berlaku di SEDC.

Carta 13.4
Jenis Pelaburan



Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.6. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2009, jumlah liabiliti bagi 22 BBN ialah RM2.88 bilion berbanding RM2.89 bilion iaitu penurunan sejumlah RM2.67 juta atau (0.1%). Penurunan ketara dalam jumlah liabiliti sejumlah RM39.18 juta (8.2%) berlaku di SALCRA. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pembayaran hutang pembelian baja yang berjumlah RM20.72 juta kepada satu syarikat bersekutu. Antara BBN yang terlibat dalam penurunan terhadap jumlah liabiliti adalah seperti di **Jadual 13.7**.

Jadual 13.7
Penurunan Jumlah Liabiliti Bagi Tahun 2008 - 2009

Bil.	Agensi	2008	2009	Penurunan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	476.61	437.43	39.18	8.2
2.	Lembaga Air Kuching	260.97	244.26	16.71	6.4
3.	Lembaga Pelabuhan Kuching	197.74	183.02	14.72	7.4
4.	Lembaga Pelabuhan Miri	183.07	175.73	7.34	4.0
5.	Pustaka Negeri Sarawak	6.34	3.24	3.10	48.9

Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.7. Analisis Nisbah

Nisbah hutang mengukur peratus dana dibiayai dari sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang menunjukkan 6 BBN menggunakan lebih daripada 50% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang dan juga mempunyai kurangan aliran tunai bersih. Lima daripada 6 BBN menunjukkan nisbah kecairan kurang daripada 2 iaitu menggambarkan BBN tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Tiga BBN tersebut juga tidak mempunyai modal kerja yang mencukupi. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan, 6 BBN tersebut menunjukkan prestasi kewangan yang berisiko sangat tinggi adalah seperti di **Jadual 13.8**.

Jadual 13.8
Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2009

Bil.	Agensi	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja	Kurangan Aliran Tunai Bersih	Nisbah Hutang
				(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	3.61	2.95	431.38	7.29	80.8
2.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbongan Brooke *	1.15	1.15	13.59	8.18	77.9
3.	Lembaga Pelabuhan Miri	0.87	0.87	(8.03)	2.09	73.8
4.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	0.75	0.70	(54.72)	74.18	71.3
5.	Lembaga Pelabuhan Kuching	0.49	0.43	(16.06)	6.74	66.0
6.	Lembaga Air Sibu	1.13	0.96	2.23	6.24	60.6

Sumber: Penyata Kewangan BBN

Nota: * Juga mengalami kurangan dalam aliran tunai terkumpul

13.4.8. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

13.4.8.1. Jumlah Syarikat

Pada tahun 2009, SEDC melabur dalam 48 syarikat, STIDC melabur dalam 38 syarikat, BDA melabur dalam 10 syarikat dan Yayasan Sarawak melabur dalam 18 syarikat. Antara BBN yang melabur terbanyak dalam syarikat bersekutu ialah Yayasan Sarawak di mana 15 syarikat bersekutu terlibat. Analisis bilangan anak syarikat dan syarikat bersekutu yang dilaburkan oleh BBN adalah seperti di **Jadual 13.9**.

Jadual 13.9
Analisis Bilangan Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu

Perkara	SEDC	STIDC	HDC	SALCRA	BDA	YS	LCDA	STB	SFC
Anak Syarikat (100%)	31	25	2	2	2	2	5	1	1
Anak Syarikat (>50%)	6	4	0	2	1	1	0	0	0
Syarikat Bersekutu (<50%)	11	9	1	2	7	15	4	0	0
Jumlah	48	38	3	6	10	18	9	1	1

Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.8.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 9 Badan Berkanun Negeri telah melabur dalam 85 anak syarikat iaitu 53 anak syarikat berstatus aktif dan 32 berstatus dorman. Daripada 9 BBN, SEDC dan STIDC mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 37 anak syarikat SEDC dan 29 anak syarikat STIDC. Bagaimanapun, daripada 37 anak syarikat SEDC, sebanyak 13 anak syarikat atau 35% ialah syarikat berstatus dorman manakala 16 anak syarikat STIDC atau 55% ialah syarikat yang masih berstatus dorman. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti di **Jadual 13.10**.

Jadual 13.10
Bilangan Anak Syarikat Yang Aktif Dan Dorman Bagi Tahun 2009

Bil.	Agensi	Bilangan Anak Syarikat (Ekuiti lebih daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dorman	Jumlah syarikat
1.	SEDC	24	13	37
2.	STIDC	13	16	29
3.	LCDA	3	2	5
4.	SALCRA	4	0	4
5.	BDA	3	0	3
6.	YS	3	0	3
7.	HDC	2	0	2
8.	SFC	1	0	1
9.	STB	0	1	1
Jumlah		53	32	85

Sumber: Penyata Kewangan BBN

13.4.8.3. Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2009, sebanyak 33 anak syarikat yang aktif di bawah 9 BBN telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM481.20 juta. Dari segi prestasi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 21 anak syarikat BBN

telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan iaitu RM165.25 juta. Bagaimanapun, jika dianalisis secara keseluruhan dari segi keuntungan atau kerugian bersih, 6 daripada 9 BBN mendapat keuntungan bersih. Antara anak syarikat yang mencatat keuntungan terkumpul yang tertinggi ialah Harwood Timber Sdn Bhd (STIDC) sejumlah RM94.45 juta, Hornbill Skyway Sdn Bhd (STIDC) sejumlah RM91.93 juta, Kuching Hotel Sdn Bhd (SEDC) sejumlah RM62.04 juta, PPES Ternak Holdings Sdn Bhd sejumlah RM34.56 juta dan Serian Palm Oil Mill (SALCRA) sejumlah RM26.02 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2009 adalah seperti di **Jadual 13.11**.

Jadual 13.11
Analisis Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul
Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2009

Bil.	Agensi	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/(Kerugian) Bersih (RM Juta)
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1.	STIDC	10	211.65	3	1.52	210.13
2.	SEDC	12	142.79	12	93.66	49.13
3.	SALCRA	3	61.94	1	5.12	56.82
4.	YS	3	34.82	0	0	34.82
5.	SFC	1	16.65	0	0	16.65
6.	HDC	2	7.33	0	0	7.33
7.	BDA	2	5.67	1	27.92	(22.25)
8.	LCDA	0	0	3	36.86	(36.86)
9.	STB	0	0	1	0.17	(0.17)
Jumlah		33	481.20	21	165.25	315.95

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

Nota: Status anak syarikat ialah aktif kecuali anak syarikat STB.

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat berdaya maju yang berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan. Terma rujukan pinjaman anak syarikat hendaklah jelas menunjukkan bayaran balik kepada Badan Berkanun Induk dalam tempoh yang ditetapkan.

13.4.9. Prestasi Kewangan PBT

Setakat 30 April 2011, Jabatan Audit Negara telah membuat pengesahan dan mengeluarkan Sijil Audit terhadap Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2009 untuk kesemua 25 PBT di Sarawak yang terdiri daripada 3 Dewan/Majlis Bandaraya, 2 Majlis Perbandaran dan 20 Majlis Daerah. Prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 13.12**.

Jadual 13.12
Prestasi Kewangan PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Pada 31.12.2009			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2009		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	73.72	61.61	12.11	92.59	8.85	83.74
2.	Majlis Perbandaran Padawan	48.82	37.43	11.39	71.47	6.73	64.74
3.	Majlis Bandaraya Miri	65.05	54.13	10.92	68.20	7.02	61.18
4.	Majlis Daerah Serian	14.42	5.36	9.06	21.83	0.35	21.48
5.	Majlis Daerah Saratok	12.12	5.80	6.32	22.94	0.15	22.79
6.	Majlis Perbandaran Sibu	56.55	50.92	5.63	39.17	8.61	30.56
7.	Majlis Daerah Sarikai	16.35	11.35	5.00	25.54	0.82	24.72
8.	Majlis Daerah Bau	9.85	5.41	4.44	26.70	0.34	26.36
9.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	78.12	73.84	4.28	127.47	4.75	122.72
10.	Majlis Daerah Lundu	6.41	3.53	2.88	12.81	0.29	12.52
11.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	12.91	10.24	2.67	24.83	0.74	24.09
12.	Majlis Daerah Samarahan	12.58	10.68	1.90	15.40	0.82	14.58
13.	Majlis Daerah Simunjan	4.01	2.80	1.21	3.74	0.19	3.55
14.	Majlis Daerah Kapit	8.02	6.97	1.05	6.13	0.37	5.76
15.	Majlis Daerah Matu Dan Daro	4.22	3.25	0.97	2.74	0.16	2.58
16.	Majlis Daerah Lawas	4.01	3.09	0.92	6.28	0.31	5.97
17.	Majlis Daerah Limbang	5.87	5.33	0.54	5.64	0.31	5.33
18.	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	4.71	4.33	0.38	7.37	0.17	7.20
19.	Majlis Daerah Subis	3.04	2.80	0.24	9.02	0.14	8.88
20.	Majlis Daerah Betong	4.32	4.12	0.20	3.88	0.35	3.53
21.	Majlis Daerah Sri Aman	9.74	9.66	0.08	9.34	0.51	8.83
22.	Majlis Daerah Lubok Antu	2.88	2.86	0.02	2.83	0.07	2.76
23.	Majlis Daerah Marudi	4.28	4.50	(0.22)	17.01	0.07	16.94
24.	Majlis Daerah Kanowit	3.21	3.83	(0.62)	6.15	0.30	5.85
25.	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	5.00	5.76	(0.76)	19.75	0.41	19.34
Jumlah		470.21	389.60	80.61	648.83	42.83	606.00

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2009

13.4.9.1. Prestasi Kewangan PBT

a. Dewan Bandaraya Dan Majlis Bandaraya

Pada tahun 2009, secara keseluruhannya ketiga-tiga Dewan/Majlis Bandaraya telah mencatatkan surplus semasa sejumlah RM27.31 juta. Adalah didapati surplus semasa secara keseluruhan Dewan/Majlis Bandaraya menunjukkan penurunan sejumlah RM0.62 juta berbanding sejumlah RM27.93 juta pada tahun 2008. Dewan Bandaraya Kuching Utara mencatat surplus semasa sejumlah RM4.28 juta di mana menunjukkan penurunan sejumlah RM3.13 juta atau 42.2% berbanding sejumlah RM7.41 juta yang dicatat pada tahun 2008. Majlis Bandaraya Kuching Selatan juga mencatatkan surplus semasa pada tahun 2009 iaitu sejumlah RM12.11 juta. Bagaimanapun, terdapat penurunan sejumlah RM0.72 juta berbanding sejumlah RM12.83 juta pada 2008. Prestasi kewangan Majlis Bandaraya Miri juga mencatat surplus semasa sejumlah RM10.92 juta pada tahun 2009 dengan peningkatan sejumlah RM3.23 juta atau 42.0% berbanding sejumlah RM7.69 juta pada tahun 2008.

b. Majlis Perbandaran

Majlis Perbandaran mencatatkan surplus semasa secara keseluruhannya sejumlah RM17.02 juta pada tahun 2009. Prestasi kewangan ini telah meningkat sejumlah RM15.49 juta berbanding sejumlah RM1.53 juta pada tahun 2008. Surplus semasa ini adalah meliputi sumbangan Kerajaan yang diterima sejumlah RM39.89 juta atau 37.9% daripada jumlah hasil Majlis Perbandaran berjumlah RM105.37 juta. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Padawan pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu mencatatkan surplus semasa sejumlah RM11.39 juta berbanding dengan defisit semasa sejumlah RM2.38 juta pada tahun 2008. Majlis Perbandaran Sibu juga mencatatkan surplus semasa sejumlah RM5.63 juta pada tahun 2009. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.72 juta atau 44.0% berbanding sejumlah RM3.91 juta pada tahun 2008. Kedudukan surplus dan defisit bagi Dewan/Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran adalah seperti di **Jadual 13.13**.

Jadual 13.13

Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi Dewan/Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		
		2007 Surplus (RM Juta)	2008 Surplus/(Defisit) (RM Juta)	2009 Surplus (RM Juta)
Dewan/Majlis Bandaraya				
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	4.05	12.83	12.11
2.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	5.28	7.41	4.28
3.	Majlis Bandaraya Miri	3.40	7.69	10.92
Jumlah		12.73	27.93	27.31
Majlis Perbandaran				
1.	Majlis Perbandaran Sibu	6.95	3.91	5.63
2.	Majlis Perbandaran Padawan	1.97	(2.38)	11.39
Jumlah		8.92	1.53	17.02

Sumber: Penyata Kewangan PBT

c. Majlis Daerah

Secara keseluruhannya, Majlis Daerah mencatatkan surplus semasa sejumlah RM36.28 juta pada tahun 2009. Surplus semasa secara keseluruhan ini meningkat sejumlah RM6.69 juta atau 22.6% berbanding sejumlah RM29.59 juta surplus semasa yang dicatat pada tahun 2008. Surplus semasa yang dicatat oleh Majlis Daerah adalah meliputi sumbangan kerajaan yang diterima sejumlah RM111.94 juta atau 75.7% daripada jumlah hasil Majlis Daerah yang sejumlah RM147.95 juta. Tujuh belas daripada 20 Majlis Daerah mengalami surplus semasa sejumlah RM37.88 juta pada tahun kewangan 2009. Daripada jumlah tersebut, 9 Majlis Daerah mempunyai surplus semasa yang melebihi RM1 juta, iaitu Majlis Daerah Sarikei, Samarahan, Saratok, Serian, Bau, Lundu, Kapit, Luar Bandar Sibu dan Simunjan. Tiga Majlis Daerah mencatat defisit semasa sejumlah RM1.60 juta ialah Majlis Daerah Dalat Dan Mukah yang mengalami defisit semasa sejumlah RM761,770, Majlis Daerah Marudi mencatatkan defisit semasa sejumlah RM221,213 dan Majlis Daerah Kanowit mengalami defisit semasa sejumlah RM622,403. Mekanisme dan tindakan tertentu perlu dirangka dan dilaksanakan untuk membaiki prestasi kewangan Majlis Daerah yang mengalami defisit semasa. Ringkasan kedudukan kewangan Majlis Daerah adalah seperti di **Jadual 13.14**.

Jadual 13.14
Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi Majlis Daerah

Perkara	Tahun 2007		Tahun 2008		Tahun 2009	
	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)
Surplus	19	26.82	16	31.07	17	37.88
(Defisit)	1	(2.51)	4	(1.48)	3	(1.60)
Jumlah	20	24.31	20	29.59	20	36.28

Sumber: Penyata Kewangan PBT

13.4.9.2. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2009, PBT telah membelanjakan sejumlah RM389.60 juta yang meliputi perbelanjaan emolumen, pengangkutan dan perjalanan rasmi, pentadbiran am, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan khas, penyenggaraan serta perhubungan dan utiliti. Hasil utama PBT pula adalah daripada cukai taksiran, geran berkanun/sumbangan Kerajaan, faedah daripada pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan. Analisis Audit mendapati pada tahun 2009, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM470.21 juta. Adalah didapati geran berkanun/sumbangan Kerajaan menyumbangkan RM189.43 juta atau 40.3% daripada keseluruhan hasil PBT tersebut. Hasil PBT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 13.15**.

Jadual 13.15
Jenis Hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Kategori PBT	Bil. PBT	Cukai Taksiran (RM Juta)	Geran Berkanun (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Lesen (RM Juta)	Faedah Pelaburan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Bandaraya	3	112.89	37.60	57.38	5.11	3.91	216.89
Perbandaran	2	45.20	39.89	16.99	1.91	1.38	105.37
Majlis Daerah	20	23.14	111.94	7.07	2.69	3.11	147.95
Jumlah	25	181.23	189.43	81.44	9.71	8.40	470.21

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2009

13.4.9.3. Harta Bersih Semasa

Pada tahun 2009, 24 daripada 25 PBT di Negeri Sarawak mengamalkan perakaunan berasaskan tunai dan satu PBT, iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara mengamalkan perakaunan berasaskan akrual. Mengikut perakaunan berasaskan tunai, nilai prabayar, penghutang dan juga harta modal tidak diambil kira dalam Lembaran Imbangan. Hanya wang tunai dan simpanan tetap diambil kira dalam penyediaan Lembaran Imbangan tahunan PBT. Analisis Audit terhadap harta bersih semasa PBT iaitu harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa PBT mendapat perkara berikut:

- Analisis Audit mendapat harta bersih semasa bagi Dewan Bandaraya Kuching Utara pada tahun 2009 telah meningkat sejumlah RM18.33 juta atau 17.6%, iaitu sejumlah RM104.39 juta pada tahun 2008 berbanding sejumlah RM122.72 juta pada tahun 2009.
- Pada akhir tahun 2009, harta bersih semasa bagi Majlis Bandaraya Kuching Selatan berjumlah RM83.75 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM12.34 juta atau 17.3% berbanding dengan tahun 2008 sejumlah RM71.41 juta. Sementara itu, harta bersih semasa Majlis Bandaraya Miri menunjukkan pertambahan sejumlah RM11.57 juta atau 23.3% iaitu sejumlah RM61.18 juta pada tahun 2009 berbanding sejumlah RM49.61 juta pada tahun 2008.
- Majlis Perbandaran Padawan mempunyai harta bersih semasa sejumlah RM64.75 juta pada tahun 2009 iaitu pertambahan sejumlah RM12.87 juta berbanding sejumlah RM51.88 juta pada tahun 2008. Sementara itu, nilai harta bersih semasa Majlis Perbandaran Sibu menunjukkan peningkatan sejumlah RM5.96 juta atau 24.2% iaitu sejumlah RM30.56 juta pada tahun 2009 berbanding sejumlah RM24.60 juta pada tahun 2008.
- Pada tahun 2009 harta bersih semasa bagi 20 Majlis Daerah di Sarawak pula berjumlah RM 243.05 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM45.77 juta atau 23.2% berbanding sejumlah RM197.28 juta pada tahun 2008. Nilai harta bersih semasa ini tidak termasuk harta modal yang dimiliki oleh Majlis Daerah kerana kesemua Majlis Daerah menggunakan perakaunan berasaskan tunai di mana harta modal tidak diambil kira dalam penyediaan penyata harta dan tanggungan Majlis Daerah.

13.4.9.4. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut kuasa *The Local Authorities Ordinance*, 1996. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang dan depot. Sehingga akhir tahun 2010, sejumlah RM190.97 juta cukai taksiran telah dikutip oleh PBT di Negeri Sarawak. Kutipan ini meningkat sejumlah RM9.74 juta atau 5.4% berbanding kutipan cukai taksiran pada tahun 2009. Jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip di peringkat Bandaraya, Perbandaran dan Majlis Daerah bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 13.16**.

Jadual 13.16
Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tempoh 2007 Hingga 2010

Kategori PBT	Bilangan PBT	Tahun			
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Bandaraya	3	103.50	108.62	112.89	118.03
Perbandaran	2	40.96	43.40	45.20	47.48
Majlis Daerah	20	20.01	22.23	23.14	25.46
Jumlah	25	164.47	174.25	181.23	190.97

Sumber: Penyata Kewangan PBT (Penyata Kewangan Tahun 2010 Belum Disahkan)

- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan telah meningkat daripada sejumlah RM68.92 juta pada tahun 2009 menjadi sejumlah RM69.10 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan sejumlah RM0.18 juta. Bagi kategori Bandaraya, jumlah tunggakan cukai taksiran tahun 2010 telah menurun sejumlah RM1.74 juta berbanding tahun 2009. Bagi peringkat Perbandaran, jumlah tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM0.95 juta atau 6.5% berbanding tahun 2009. Begitu juga dengan Majlis Daerah, keseluruhan tunggakan cukai telah meningkat sejumlah RM0.97 juta atau sebanyak 4.7%. Peningkatan tunggakan cukai ini menunjukkan PBT perlu berusaha untuk mengutip tunggakan cukai Majlis. Tunggakan cukai taksiran bagi keseluruhan PBT adalah seperti di **Jadual 13.17**.

Jadual 13.17
Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2010

Kategori PBT	Bilangan PBT	Tahun			
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Bandaraya	3	34.47	34.88	33.74	32.00
Perbandaran	2	11.96	13.33	14.66	15.61
Majlis Daerah	20	18.62	19.37	20.52	21.49
Jumlah	25	65.05	67.58	68.92	69.10

Sumber: Penyata Kewangan PBT (Penyata Kewangan Tahun 2010 Belum Disahkan)

- c. Adalah didapati 16 PBT telah menunjukkan peningkatan bagi tunggakan cukai taksiran manakala 9 PBT telah menunjukkan penurunan bagi tunggakan cukai pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Daerah Samarahan, Majlis

Daerah Matu Dan Daro, Majlis Daerah Saratok, Majlis Daerah Lawas, Majlis Daerah Lundu dan Majlis Daerah Simunjan. Peningkatan tunggakan cukai yang dialami oleh PBT perlu diambil perhatian serius untuk mengukuhkan lagi kewangan Majlis. Antara sebab peningkatan tunggakan ini ialah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Senarai Nilaian Majlis juga tidak dikemas kini menyebabkan pegangan yang sudah tidak wujud masih dikeluarkan bil dan penduduk luar bandar yang tidak berkemampuan untuk membayar cukai. Sehubungan itu, pihak Majlis perlu mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengurangkan peningkatan tunggakan cukai taksiran seperti mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.

13.5. SYOR AUDIT

13.5.1. Untuk memastikan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bertambah kukuh, Badan Berkanun Negeri adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

13.5.1.1. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri perlu mengambil tindakan membetulkan kelemahan yang dibangkitkan dalam Sijil Berteguran dan *Emphasis of Matter* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Penyata kewangan yang disediakan hendaklah mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri.

13.5.1.2. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti Agensi yang dapat menjana pendapatan Agensi.

13.5.1.3. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri perlu mengambil tindakan tegas terhadap tunggakan hutang daripada penghutang dan juga daripada anak syarikat Badan Berkanun Negeri supaya dapat mengukuhkan kedudukan tunai.

13.5.1.4. Bagi anak syarikat Badan Berkanun Negeri yang mengalami kerugian berterusan dan tidak aktif, Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan syarikat berkenaan sama ada untuk meneruskan operasi atau sebaliknya.

13.5.1.5. Lembaga Pengarah Syarikat Badan Berkanun Negeri hendaklah mengujudkan *Key Performance Index* untuk memantau prestasi anak syarikat supaya prinsip *going-concern* anak syarikat yang terbabit dapat dikekalkan.

13.5.1.6. Anak syarikat Badan Berkanun Negeri hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik.

13.5.1.7. Memastikan proses penyatuan akaun bagi Badan Berkanun Negeri yang mempunyai anak syarikat diselesaikan dengan segera bagi membolehkan penyerahan penyata kewangan disatukan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

13.5.2. Untuk memastikan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bertambah kukuh, Pihak Berkuasa Tempatan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

13.5.2.1. Pihak Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam perlu memastikan bahawa pengurusan aset tetap dan aset mudah alih di semua Pihak Berkuasa Tempatan diseragamkan dari segi prosedur dan amalan.

13.5.2.2. Pihak Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam perlu mengambil tindakan mengisi kekosongan jawatan (12.8%) untuk kategori Pengurusan dan Profesional serta kategori Sokongan di semua Pihak Berkuasa Tempatan.

13.5.2.3. Pihak Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak perlu mengambil langkah permulaan untuk melaksanakan perakaunan berasaskan akrual bagi Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak. Sebagai langkah awal, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Perbandaran Padawan dan Majlis Perbandaran Sibu perlu diberi keutamaan.

13.5.2.4. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil dan menimbang langkah yang berkesan untuk mengurangkan tunggakan cukai taksiran.

13.5.2.5. Pelaksanaan projek pembangunan yang telah dikenal pasti perlu dijalankan dengan segera oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengelak pembaziran disebabkan oleh peningkatan kos dan hasrat Kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penduduk tercapai.



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN VI
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGERI

14. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2009 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2008 dan Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010.

15. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

15.1. Sepanjang tahun 2010, tiada mesyuarat diadakan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak untuk membincang Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Bagaimanapun, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak telah mengadakan satu sesi perbincangan pada 26 November 2010 untuk mengenal pasti isu-isu dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 dan tahun 2009 yang akan dibincangkan oleh Jawatankuasa dalam mesyuarat seterusnya. Jawatankuasa Kira-kira Awam telah bermesyuarat sekali sahaja pada Januari 2011 untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2008 dan 2009 serta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak tahun 2009.

15.2. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama yang belum selesai, membincangkan isu semasa yang mempunyai kepentingan umum serta memastikan syor Jawatankuasa Akaun Awam Negeri diambil tindakan oleh Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

15.3. Bagi melengkapkan kitaran akauntabiliti, Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri terhadap Laporan Ketua Audit Negara perlu disediakan dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Ke-40 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2010 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2009 kerana Jabatan/Agensi Negeri telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
1 Julai 2011



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2010; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin", is placed above the typed name.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

1 Julai 2011



Lampiran II

Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2010

	Nota	2010	2009
		RM	RM
ASET			
A Wangtunai	7	104,662,306	97,564,013
Wangtunai Dalam Tangan		548,839	809,894
Wangtunai Dalam Perjalanan		13,143,029	12,148,946
Wangtunai Di Bank/Dengan Ejen		90,970,438	84,605,173
B Pelaburan	7	15,601,902,388	13,134,678,671
		<u>15,706,564,694</u>	<u>13,232,242,684</u>
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:			
C Akaun Hasil Disatukan	8-10	9,853,254,199	7,635,683,587
D Akaun Amanah Disatukan	11 - 15	5,853,310,495	5,596,559,097
D1 Kumpulan Wang Pembangunan		2,975,608,527	2,876,359,504
D2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan		1,800,863,072	2,022,452,434
D3 Kumpulan Wang Amanah Awam		267,613,798	250,426,147
D4 Deposit		505,064,703	235,761,460
D5 Akaun Kena Bayar		304,160,395	211,559,552
E Akaun Pinjaman Disatukan	16	-	-
		<u>15,706,564,694</u>	<u>13,232,242,684</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan pernyata dan nota yang dilembarkan.

DATO SRI AHMAD TARMIZI BIN HAJI SULAIMAN
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak


JUMASTAPHA BIN LAMAT
Akauntan Negeri
Sarawak

Lampiran III

**Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai
seperti pada 31 Disember 2010**

	<u>Nota</u>	<u>2010</u>	<u>2009</u>
	17	RM	RM
TERIMAAN			
Hasil			
Hasil Cukai	1,160,118,998	807,880,921	
Hasil Bukan Cukai	4,331,705,279	3,642,377,172	
Terimaan Bukan Hasil	13,028,302	10,352,404	
Pemberian Persekutuan dan Bayaran Balik	<u>101,884,605</u>	5,606,737,184	<u>102,672,113</u>
Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	400,538,355		213,128,348
Terimaan Modal			
Terimaan Balik Pinjaman	50,323,501	92,775,727	
Pelbagai Terimaan Modal	38,604,149	94,156,320	
Lain-lain Terimaan - Amanah	<u>5,141,153,463</u>	<u>5,230,081,113</u>	<u>5,159,246,665</u>
Jumlah Terimaan	<u>11,237,356,652</u>		<u>10,122,589,670</u>
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus			
Emolumen	(480,770,783)	(417,105,215)	
Perkhidmatan dan Bekalan	(473,289,323)	(487,178,518)	
Aset	(18,775,193)	(14,513,108)	
Pemberian dan Kenaan Tetap	(255,279,874)	(280,165,376)	
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	<u>(5,104,464)</u>	<u>(1,233,219,637)</u>	<u>(10,618,603)</u>
Perbelanjaan Pembangunan	(2,490,216,982)		(2,833,759,916)
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	(2,467,223,717)		(1,120,044,943)
Bayaran Balik Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	(55,946,935)		(88,299,713)
Lain-lain Bayaran			
Bayaran Amanah	<u>(4,983,651,088)</u>		<u>(4,889,635,506)</u>
Jumlah Bayaran	<u>(11,230,258,359)</u>		<u>(10,141,320,898)</u>
Lebihan/(Kurangan) Wangtunai	7,098,293		(18,731,227)
Wangtunai pada 1 Januari	<u>97,564,013</u>		<u>116,295,240</u>
JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER	<u>104,662,306</u>		<u>97,564,013</u>

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilembaran.


DATO SRI AHMAD TARMIZI BIN HAJI SULAIMAN
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak


JUMASTAPHA BIN LAMAT
Akauntan Negeri
Sarawak

**Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2010**

	Nota	2010	2009
		RM	RM
ASET			
F1 Penyata Memorandum Pelaburan	7,18	2,572,849,003	2,564,730,576
F2 Penyata Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	18-19	2,304,929,171	2,246,624,538
JUMLAH ASET		<u>4,877,778,174</u>	<u>4,811,355,114</u>
TANGGUNGAN			
G1 Penyata Memorandum Hutang Awam	18,20	2,104,058,454	1,747,455,315
JUMLAH TANGGUNGAN		<u>2,104,058,454</u>	<u>1,747,455,315</u>

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilembarkan.

DATO SRI AHMAD TARMIZI BIN HAJI SULAIMAN
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

JUMASTAPHA BIN LAMAT
Akauntan Negeri
Sarawak

C Penyata Hasil Dan Perbelanjaan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Perihal	2010				2009	
	Belanjawan Disemak		Sebenar		Sebenar	
	RM	%	RM	%	RM	%
Baki pada 1 Januari	-	-	7,635,683,587.17		6,720,281,511.34	-
C1 HASIL						
Hasil Cukai	921,744,014.00	23.29	1,160,118,997.80	20.69	807,880,921.42	17.70
Hasil Bukan Cukai	2,910,911,249.00	73.55	4,331,705,279.36	77.26	3,642,377,171.53	79.82
Terimaan Bukan Hasil	13,435,221.00	0.34	13,028,301.99	0.23	10,352,403.71	0.23
Pemberian Persekutuan Dan Bayaranbalik	111,460,000.00	2.82	101,884,605.13	1.82	102,672,113.45	2.25
JUMLAH HASIL	3,957,550,484.00	100.00	5,606,737,184.28	100.00	4,563,282,610.11	100.00
C2 PERBELANJAAN MENGURUS						
Emolumen	473,072,859.62	13.81	480,770,783.34	14.19	417,105,214.90	11.43
Perkhidmatan Dan Bekalan	473,052,220.88	13.81	473,289,322.82	13.96	487,178,518.21	13.36
Aset	19,729,877.18	0.58	18,775,193.18	0.55	14,513,108.13	0.40
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	353,899,611.32	10.33	311,226,809.29	9.18	368,465,090.04	10.10
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	5,154,425.00	0.15	5,104,464.10	0.15	10,618,603.00	0.29
Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun	1,324,908,994.00	38.68	1,289,166,572.73	38.04	1,297,880,534.28	35.58
	2,100,000,000.00	61.32	2,100,000,000.00	61.96	2,350,000,000.00	64.42
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	3,424,908,994.00	100.00	3,389,166,572.73	100.00	3,647,880,534.28	100.00
LEBIHAN BAGI TAHUN	532,641,490.00	-	2,217,570,611.55	-	915,402,075.83	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	-	-	9,853,254,198.72	-	7,635,683,587.17	-

Nota Kepada Akaun

bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya.)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING

1. Entiti Perakaunan

Entiti perakaunan Kerajaan Negeri Sarawak adalah termasuk semua kementerian dan jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan syarikat milik kerajaan.

2. Kumpulan Wang Negeri Disatukan

Mengikut kehendak Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], tiga akaun berasingan diselenggarakan di bawah Kumpulan Wang Negeri Disatukan, iaitu:

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang ke dalamnya hasil Kerajaan diterima dan darinya perbelanjaan mengurus dilakukan;
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata E), dalam mana semua penerimaan pinjaman dan pemindahan kepada kumpulan wang yang lain diakaunkan; dan
- c) Akaun Amanah Disatukan (Penyata D), yang di bawahnya segala terimaan dan bayaran Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh Kerajaan untuk maksud tertentu diakaunkan.

3. Konsep Asas

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan dua konsep seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

- a) konsep Kumpulan Wang Negeri Disatukan yang berpuncu dari keperluan bahawa segala hasil dan wang yang diterima dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulan wang yang dinamakan "Kumpulan Wang Negeri Disatukan", dan
- b) konsep bahawa tiada wang, kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri.

Dewan Undangan Negeri memberi kuasa melakukan pembayaran dari Kumpulan Wang Disatukan melalui Ordinan Perbekalan Tahunan dan Ordinan Perbekalan Tambahan serta undang-undang lain. Kuasa membelanja yang dibenarkan melalui Ordinan Perbekalan adalah untuk maksud yang ditetapkan serta amanun maksimum, dan kuasa membelanja yang tidak digunakan akan luput pada akhir tahun yang baginya ia dibenarkan. Kuasa membelanja yang dibenarkan melalui undang-undang lain untuk maksud yang tertentu serta bagi amanun dan tempoh masa seperti yang ditetapkan tidak luput pada akhir tahun yang dalamnya ia diberi.

4. Dasar Perakaunan

Semua urusniaga Kerajaan diakaunkan mengikut asas tunai, iaitu berasaskan terimaan dan bayaran, dengan ubahsuai dalam Akaun Kena Bayar bagi membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun itu.

5. Tahun Kewangan

Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

6. Urusniaga Dalam Matawang Asing

Urusniaga berkaitan dengan hutang awam yang dilaksanakan dalam matawang asing dimasuk-akaun berdasarkan nilai setaranya dalam Ringgit Malaysia yang sebenarnya dibayar atau diterima, iaitu pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada masa pertukaran dibuat. Urusniaga lain yang dilaksanakan dalam matawang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia atas kadar piawai yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Nota Kepada Akaun

bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya.)

LEMBARAN IMBANGAN

7. Wangtunai dan Pelaburan

Wangtunai (Penyata A) dan Pelaburan (Penyata B) yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan terdiri dari lebihan terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan. Pelaburan diambil kira pada nilai nominal dengan nilai buku untuk rujukan. Bagaimanapun, pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi dalam Penyata Akaun Memorandum.

AKAUN HASIL DISATUKAN

8. Hasil

Kutipan hasil (Penyata C1 dan C1.1) diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil Disatukan kecuali diperuntukkan sebaiknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil yang patut diterima tetapi belum sebenarnya diterima dalam tahun kewangan tidak dimasukakaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan sebagai perbelanjaan.

9. Perbelanjaan

Semua kenaan kepada peruntukan Belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan serta wang yang diperuntukkan kepada badan-badan berkanun dan pihak-pihak tertentu melalui pemberian, pinjaman dan pelaburan (jika berkaitan) dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2, C2.1 dan C2.2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

10. Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan Tanggungan (Penyata C2, C2.1 dan C2.2) terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri. Ia termasuk pemberian berkanun kepada kerajaan negeri, pencen, perbelanjaan hutang dan gantirugi yang diberi oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri ianya tidak dimasukkan dalam Ordinan-Ordinan Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh undang-undang Negeri.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

11. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan, yang ditubuhkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah (Penyata D1). Terimaan kumpulan wang ini terdiri kebanyakannya dari pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang diberi dari Kumpulan Wang Pembangunan. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Perbelanjaan pembangunan merangkumi perbelanjaan langsung serta juga pemberian, pinjaman dan pelaburan. Pelaburan dan pinjaman boleh dituntut yang dibayar dari Kumpulan Wang Pembangunan tidak disertakan dalam Lembaran Imbangan tetapi dalam Akaun Memorandum.

12. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Penyata D2) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian dari kumpulan wang ini bercorak kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung. Pelaburan yang dipegang bagi sebahagian Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disertakan dalam Lembaran Imbangan dan diringkaskan dalam Penyata B.

13. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam (Penyata D3) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], terdiri dari Kumpulan Wang Amanah Khas dan Am yang diterima bagi maksud tertentu. Pelaburan yang dipegang bagi sebahagian Kumpulan Wang Amanah Awam disertakan dalam Lembaran Imbangan dan diringkaskan dalam Penyata B.

Nota Kepada Akaun

bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya.)

14. Deposit

Bagi akaun Deposit (Penyata D4) ianya terdiri dari deposit Am dan Khas bagi mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian. Pelaburan yang dipegang bagi deposit disertakan dalam Lembaran Imbang dan diringkaskan dalam Penyata B.

15. Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar (Penyata D5) merupakan jumlah terutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan dalam tahun semasa yang bayarannya dibuat awal tahun berikutnya.

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

16. Pinjaman

Pinjaman yang diterima di bawah kuasa undang-undang Persekutuan diakaunkan ke dalam Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata E). Terimaan dari pinjaman yang diambil, dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI

17. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

Semua penerimaan dan pembayaran wangtunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wangtunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan terimaan-terimaan lain. Bayaran wangtunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus, pembangunan, pembelian instrumen kewangan, bayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran lain.

AKAUN MEMORANDUM

18. Akaun Memorandum

Akaun Memorandum, yang dalamnya diakaunkan aset dan liabiliti Kerajaan yang tidak merupakan sebahagian dari Kumpulan Wang Disatukan, tidak disertakan dalam Lembaran Imbang tetapi disertakan berasingan dalam Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Akaun Awam terdiri dari penyata yang berkaitan dengan aset seperti pelaburan (Penyata F1), pinjaman boleh dituntut (Penyata F2), serta penyata yang berkaitan dengan tanggungan seperti hutang awam (Penyata G1).

19. Aset

Aset dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan seperti hasil berakru dan pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Bagaimanapun penyata-penyata terhadap pinjaman boleh dituntut (Penyata F2) disertakan dalam Akaun Memorandum.

20. Liabiliti

Tuntutan kewangan atas Kerajaan yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Bagaimanapun, penyata-penyata mengenai hutang awam berkaitan dengan pinjaman yang diambil oleh Kerajaan (Penyata G1) dilaporkan dalam Akaun Memorandum.

Hutang Awam, yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan yang masih belum diselesaikan, adalah dilaporkan dalam Penyata Memorandum Hutang Awam (Penyata G1). Nilai setara hutang luar negeri yang belum selesai dilaporkan berdasarkan kadar pertukaran yang disebutkan oleh Bank Negara Malaysia berkuatkuasa seperti pada 31 Disember 2010.

21. Jaminan

Back-to-back guarantee yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk kemudahan kredit yang diperolehi oleh entiti-entiti korporat yang berkaitan adalah RM805.32 juta pada tahun 2010 (2009 : RM1,209.9 juta).

ANGKA BANDINGAN

22. Angka bandingan telah dipinda di mana perlu untuk disesuaikan dengan susunan tahun ini.